

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1	Bil. 19	Hari Khamis	21hb.
Disember, 1995			

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA;

Perutusan Daripada Dewan Rakyat
(Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996
(Ruangan 46)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggal Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)

- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., .M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 21hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“20hb. Disember 1995

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Pendidikan 1995.
2. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato’ K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Pendidikan 1995.
2. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERKHIDMATAN MOBIFON 800 KE KAPIT/ SARIKEI/SRI AMAN - PELAKSANAAN

1. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Mobifon 800 membuat perkhidmatannya ke kawasan bahagian seperti di Kapit, Sarikei, Sri Aman dan tempat-tempat lain.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan telefon selular Mobifon 800 telah pun disediakan di Kapit, Sri Aman dan sebahagian besar kawasan di Bandar Kuching, Miri, Sibul, Bintulu dan Saratok. Perkhidmatan ini akan disediakan di Sarikei pada awal tahun depan.

BANGSA MALAYSIA - STRATEGI PENGALAKAN PERPADUAN

2. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan apakah program yang akan dilaksanakan untuk mencapai "Bangsa Malaysia" yang boleh menstabilkan negara.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah kementerian ini yang dilaksanakan untuk mencapai bangsa Malaysia yang boleh menstabilkan negara ialah dengan memantapkan strategi pengalakan perpaduan. Di bawah strategi ini, usaha-usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan masyarakat berbagai kaum di negara ini bergaul dan berinteraksi melalui kegiatan-kegiatan kemasyarakatan khususnya yang dianjurkan di peringkat masyarakat sejiran:

- (i) mewujudkan dan menambahkan bilangan institusi sosial masyarakat sejiran, iaitu Rukun Tetangga bagi menjalin dan memupuk masyarakat kejiranan yang teguh;

- (ii) menanam sikap tolong-menolong dan berbaik sangka untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat berbagai kaum di negara ini;
- (iii) merapatkan hubungan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia, khususnya dalam masyarakat di negeri-negeri lain seperti di Semenanjung dengan masyarakat di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- (iv) mengadakan program dan aktiviti sivik yang menekankan aspek kewajipan rakyat sebagai warganegara yang baik; dan
- (v) menanamkan semangat taat setia dan cinta kepada negara dan menghormati lambang-lambang negara.

Program yang telah dan terus dilaksanakan di bawah strategi penggalakan perpaduan ialah meneruskan pelaksanaan program Rukun Tetangga. Program ini adalah bertujuan untuk:

- (i) memupuk semangat perpaduan dan perhubungan kaum yang harmoni, khususnya di peringkat masyarakat sejiran melalui aktiviti-aktiviti kejiwaan yang meliputi berbagai-bagai bidang seperti sosial, pendidikan, sukan, rekreasi, sivik, alam sekitar, kebajikan, agama, kebudayaan, kesihatan dan keselamatan. Di bawah program ini, sebanyak 7,755 aktiviti telah dilaksanakan di seluruh negara pada sepanjang tahun 1994 yang meliputi bidang-bidang tersebut;

- (ii) meneruskan program pelaksanaan program integrasi negara yang bertujuan merapatkan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia, khususnya di antara masyarakat di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan masyarakat dari negeri-negeri lain di negara ini dan sebaliknya. Antara aktiviti di bawah program ini ialah lawatan integrasi sempena Hari Kebangsaan/Perayaan iaitu sambutan Hari Kebangsaan, Hari Keamatan dan Hari Gawai, Program Anak Angkat, Titian Emas dan Program Sedar Padu;
- (iii) Program Promosi Perpaduan dan Integrasi yang bertujuan melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum yang lebih ramai di peringkat kebangsaan. Dan setiap aktiviti di bawah program ini, objektifnya adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mengekalkan perhubungan kaum, meningkatkan tahap perpaduan, memantapkan integrasi nasional dan ke arah mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Antara aktiviti di bawah program ini ialah kempen menggalak mengibarkan bendera Malaysia, sambutan Hari Perpaduan pada 16 September setiap tahun, khemah kerja integrasi, khemah kerja perpaduan, seminar, kursus untuk jiran wanita dan jiran muda dan panel perpaduan jiran muda.

Selain daripada strategi tersebut, kementerian ini juga merancang untuk memberi penekanan terhadap strategi pencegahan (preventional) melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti sistem pengesanan perhubungan sosial dalam usaha untuk mengelakkan mana-mana pihak khususnya dalam konteks hubungan kaum melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat berbagai kaum yang sudah terjalin dan melambatkan proses untuk memantapkan integrasi nasional.

Datuk Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa salah satu cara untuk mewujudkan integrasi nasional di antara masyarakat Malaysia yang tinggal di negeri-negeri yang bersekutu dalam Persekutuan Malaysia ialah untuk merapatkan hubungan di antara satu sama lain dalam konteks untuk pengwujudan perhubungan seperti di satu masa dahulu kerana mengadakan Feri Malaysia supaya masyarakat di Sabah dan juga di Sarawak dapat melawat Semenanjung, ibu negara Malaysia tetapi kini Feri Malaysia sudah tidak ada lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat Datuk Pansai?

Datuk Maidom P. Pansai: Persoalan saya ialah apakah alternatif kerajaan untuk menggantikan perhubungan yang pada suatu masa dahulu begitu significant untuk merapatkan hubungan di antara kedua-dua negeri, iaitu Sabah, Semenanjung dan juga Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang soalnya. Sila.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar dan saya rasa Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat memang mengetahui segala usaha yang saya telah sebutkan tadi. Jadi, satu perkara yang masih dijalankan ialah seperti Rukun Tetangga. Kita mengadakan Rukun Tetangga di seluruh negara, jadi, pada masa ini di negara kita semuanya ada 1,519 buah Rukun Tetangga, Jiran Muda 854, Jiran Wanita 903 dan bagi negeri Sabah - Rukun Tetangga 41, Jiran Muda - 33 dan Jiran Wanita - 41, masih kekal.

Kedua, pada masa hujung tahun ini diadakan program Sedar Padu dan Titian Emas. Jadi, pada masa itu Sedar Padu ada seramai 12 orang pelajar dari Sabah telah menyertai program ini yang berlangsung dari 25hb. Oktober hingga 2hb November, 1995. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukup panjang itu, Yang Berhormat Datuk.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma tunjukkan sedikit sahaja - ertinya program memang sedia ada seperti Titian Emas mulai dari 8hb. hingga 24hb. November, dan mereka yang datang dari Wialayah Persekutuan Labuan ada 4 orang, jadi ini pun berdekatan dengan Sabah dan 18 orang dari Sabah. Mereka ini semua melawat Semenanjung

Malaysia dan melawat di serata Semenanjung dalam masa itu, jadi, ertinya program memang sentiasa ada, walaupun sekiranya orang dari Sabah tidak ada melawat, saya kira memang ada orang dari Sabah melawat tetapi mungkin tidak banyak. Jadi, itulah program yang sedia ada.

Datuk Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan iaitu perhubungan dalam konteks pengangkutan, dahulu tambang kapal terbang dikurangkan untuk membolehkan rakyat di Sabah dan Sarawak melawat ibu negara dengan harapan perpaduan dan integrasi nasional dapat terjalin. Saya tanya tadi tentang feri Malaysia yang kini sudah tidak ada lagi di mana pada suatu masa dahulu ia amat berkesan sekali dalam pemupukan integrasi nasional, jadi, apakah yang dibuat selepas daripada ketiadaan feri Malaysia? Itu yang saya tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya rasa maksud Datuk Maidom P. Pansai ialah secara umum, bukan detail. Adakah satu langkah lain selain daripada langkah mengadakan feri Malaysia? Itu sebabnya saya sebutkan secara umumnya, selain dari feri Malaysia.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya memang ada, selain dari Feri Malaysia tentu ianya politik ini memang susah sedikitlah. Kalau kita tidak sama rumah bagaimana kita mahu berjumpa atau membuat lawatan. Jawapan ini boleh dipolitikkan, kalau kita sama rumah baru senang kita berjumpa. Ini sahaja jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Salam Awang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

PROGRAM KONTRAKTOR BERWIBAWA - PERLUASKAN

3. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [di bawah S.O. 23 (2)] minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan kontraktor-kontraktor Melayu banyak juga dapat pengalaman melalui kementerian ini sehingga kerana pendedahan yang begitu berguna ramai kontraktor Melayu telah dipilih oleh I.C.U. untuk diletakkan di bawah kontraktor berwibawa:

- (a) tidakkah kementerian ini bercadang untuk meluaskan lagi pendedahan kepada kontraktor-kontraktor terutama dari kalangan orang-orang Melayu supaya ramai lagi dapat peluang dalam lapangan industri binaan ini; dan
- (b) jika ada cadangannya, sila sebutkan caranya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya program kontraktor berwibawa, projek-projek mega dan canggih yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan telah mula diberi kepada kontraktor berwibawa. Contohnya kerja-kerja kejuruteraan awam dan kerja-kerja pembinaan.

Untuk menjawab soalan:-

- (a) Disamping itu, atas kesedaran bahawa asas pengetahuan merupakan punca utama kelemahan kontraktor bumiputera, Kementerian Kerja Raya telah dan masih mengadakan program-program latihan bertujuan melahirkan kontraktor-kontraktor bumiputera yang berkebolehan untuk sektor

pembinaan. Sehingga kini dari tahun 1978 sehingga bulan September tahun ini sebanyak 83 program kursus jangka panjang selama 1 bulan telah berjaya melatih seramai 4,202 orang kontraktor dan juga menganjurkan kursus-kursus pendek teknikal yang mengambil masa antara 3 atau 4 hari dan sehingga bulan September tahun ini sebanyak 241 kursus telah diadakan yang dihadiri oleh 8,634 orang kontraktor bumiputera di seluruh negara. Kementerian Kerja Raya juga ada mengendalikan kursus-kursus jangka panjang anjuran bersama Institut Pengurusan Melaka dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Perajurit Sungai Buluh.

- (b) Bagi tahun 1996, Kementerian Kerja Raya bercadang menganjurkan kursus-kursus berikut:
- (i) kursus jangka panjang iaitu kursus asas kontraktor binaan bumiputera dan kursus lanjutan kontraktor binaan bumiputera selama 1 bulan. Kursusnya sebanyak 3 kursus;
 - (ii) kursus jangka pendek selama 33 kursus;
 - (iii) kursus anjuran bersama antara JKR dengan Institut Pengurusan Melaka sebanyak 1 kursus.
 - (iv) kursus jangka panjang anjuran bersama JKR dan Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak 2 kursus;

- (v) kursus jangka panjang anjuran bersama PERHEBAT Sungai Buluh sebanyak 4 kursus;
- (vi) kursus khas kontraktor binaan bumiputra berwibawa anjuran Jawatankuasa Pembangunan Negara sebanyak 2 kursus di mana JKR adalah urusetia kursus. Selagi masih ramai individu bumiputera yang berminat menyertai industri pembinaan, Kementerian Kerja Raya akan terus berusaha menganjurkan kursus-kursus seperti ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah banyak mengaturkan program-program bagi kontraktor bumiputera. Soalan tambahan saya ialah setakat ini berapakah dari segi nilai kontrak-kontrak yang telah pun diberi kepada kontraktor-kontraktor yang kononnya berpengalaman ini dengan mengikuti kursus-kursus?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham tentang soalan ini, bolehkah ulang sekali lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Nilai kontrak yang diberikan?

Tuan Yong Khoon Seng: Oleh kerana saya tidak ada angka, tetapi kita tahu sudah banyak kontraktor selepas mengambil kursus khas telah dilantik sebagai kontraktor berwibawa.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berpuas hati dengan kontraktor-kontraktor Melayu sekarang dan apakah nasihat yang boleh kerajaan beri supaya kontraktor-kontraktor Melayu ini akan lebih berwibawa di masa akan datang?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor bumiputera digalakkan untuk mengambil kursus supaya mereka dapat

meningkatkan pengetahuan dan juga kerja lebih kuat sedikit supaya mereka boleh sampai ke tahap yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu nasihatnya. Jadi, harapan di masa akan datang ada dua soalan, ada dua bahagian.

Tuan Yong Khoon Seng: Sekali guslah.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pembangunan Usahawan sekarang ini sedang menggalakkan usahasama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Jadi, kepada Kementerian Kerja Raya, dalam keadaan yang sama di antara joint-venture bumiputera dengan yang bukan bumiputera dan juga dengan syarikat-syarikat bumiputera, syarikat manakah yang akan diberi keutamaan? Apakah masih lagi syarikat yang tulen bumiputera ataupun syarikat yang joint-venture yang disarankan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Kerja Raya adalah untuk bidang-bidang pembinaan dan kejuruteraan dan usaha dari Kementerian Pembangunan Usahawan ialah untuk kerja-kerja yang bukan di dalam program-program di JKR.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa maksud soalnya, yang manakah yang diutamakan? Sama ada syarikat bumiputera ataupun joint-venture?

Tuan Yong Khoon Seng: Dua-dua diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua diutamakan? Baik.

Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-4.

GOLONGAN ANTI HADIS - BILANGAN

4. **Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilangan kumpulan golongan Anti Hadis dalam negara ini;
- (b) betulkah golongan terpelajar tinggi yang terbabit dalam kegiatan ini; dan
- (c) langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk menyekat golongan yang merbahaya dan memecahbelahkan masyarakat Islam yang majoriti Mazhab Shafie di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan kumpulan golongan anti hadis dalam negara kita ini yang dapat dikesan melalui aktiviti-aktiviti mereka dianggarkan sekitar 300 orang.
- (b) Berdasarkan kajian yang telah dibuat, pihak kerajaan mendapati ada golongan berpelajaran tinggi yang cenderung kepada aliran ini dan terbabit dalam kegiatannya.
- (c) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah segera untuk menyekat golongan yang merbahaya dan memecahbelahkan masyarakat Islam di negara kita ini. Antaranya mengeluarkan

dan mewartakan fatwa mengenai anti hadis di peringkat negeri-negeri bagi tujuan untuk menyekat sebarang usaha bagi mengembangkan fahaman golongan ini.

Selain daripada itu, menyedarkan orang ramai mengenai penyelewengan dan bahaya kumpulan ini melalui berbagai-bagai cara seperti seminar, forum, penulisan di akhbar, buku dan khutbah Jumaat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menyebut kumpulan ini sebagai anti hadis tetapi mereka lebih gemar dipanggil sebagai kumpulan Al-Quran. Saya ingin bertanya, kalau pihak Pusat Islam atau Baheis sudah mengenal pasti siapa pemimpinnya, siapa kepimpinannya, siapa ahlinya, tidakkah mungkin kerajaan menyenaraikan dan mengumumkan nama-nama mereka ini supaya orang nanti tidak terkeliru menjemput mereka berceramah mauludkah atau ceramah itu, ini dan menghadapi masalah yang lebih besar?

Adakah kerajaan takut hendak menyenaraikan siapa dia? Adakah kita tidak mampu untuk berbahas dengan mereka? Saya harap, kalau boleh kerajaan mendedahkan siapa dia, apakah ajaran mereka yang salah itu dan kita menjawab secara terbuka setiap hujah mereka.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka memanggil diri mereka kumpulan jemaah ataupun Al-Quran, kerana mereka mengakui mereka sebagai jemaah ini ialah kerana mereka tidak mahu mengiktiraf hadis. Mereka hanya berpegang kepada Al-Quran sedangkan punca hukum dalam Islam ialah Al-Quran dan hadis.

Oleh kerana mereka tidak percaya kepada hadis, maka sebab itulah kita panggil mereka anti hadis. Nama yang sebenar memanglah di antara kita telah

ketahui sebab perkara ini ada kita siarkan di dalam surat khabar dan juga mereka yang berkenaan juga melakukan perkara-perkara yang bertentangan.

Jadi, jelas di antara mereka itu, mereka adalah anti hadis. Kalau misalannya dalam buku hadis 'Satu Penilaian Semula' tulisan Kassim Ahmad, katanya hadis atau sunnah nabi suatu ajaran palsu yang muncul di antara 200 hingga 250 tahun kemudian dan yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad.

Ini bererti apabila dia menyebut hadis adalah merupakan satu ajaran palsu, maka penulis buku hadis 'Satu Penilaian Semula' Kassim Ahmad adalah merupakan anti hadis dan begitu juga yang menterjemahkan Al-Quran tanpa berdasarkan kepada ayat Al-Quran, hanya mengatakan buku itu bacaan. Tidak

ada ayat Al-Quran dan diterjemah secara begitu sahaja. Penulis itu juga merupakan orang yang melakukan kesalahan.

Tindakan yang kita boleh buat, kita ada Jawatankuasa Fatwa. Kita memutuskan bahawa anti hadis adalah murtad. Kita hanya memohon kerjasama dari negeri-negeri supaya mereka juga mewartakan bahawa mana-mana anti hadis adalah murtad. Setakat ini, negeri yang mewartakan ialah Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Jadi, apabila mereka telah mewartakan ini, mereka boleh mengambil tindakan tertentu kepada mereka yang anti hadis tadi. Macam saudara kita Kassim Ahmad, duduknya di negeri Pulau Pinang, tidak di sini. Jadi, Jabatan Agama di sana boleh mengambil tindakan mengikut peraturan perundangan yang telah ditetapkan.

Sebab itu kita mengharapkan pihak kerajaan negeri akan mengenal pasti mereka ini selain dari senarai yang ada pada kita. Apabila perkara ini diwartakan, maka bolehlah mereka mengambil tindakan sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

KILANG SIMEN BARU - BILANGAN PENGELUARAN LESEN

5. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) berapakah lesen yang dikeluarkan bagi mendirikan kilang-kilang simen baru di seluruh negara; dan
- (b) apakah sebab utama simen sekali lagi kurang dalam pasaran tempatan, adakah ini satu sabotaj terhadap negara oleh mana-mana pihak di dalam atau di luar negara ke arah menggagalkan arus pembangunan negara.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga ini, kerajaan telah meluluskan sebanyak 23 buah lesen pengilang dengan keupayaan pengeluaran 25.9 juta tan. Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya 10 buah kilang sedang beroperasi dengan keupayaan pengeluaran 12.82 juta tan setahun. Dalam pada itu, 4 buah syarikat yang telah diluluskan bagi mengeluarkan simen portland dan clinker sedang memulakan kerja-kerja pembinaan kilang baru simen dan clinker.

Kilang-kilang ini adalah Pahang Cement Sdn. Bhd, Sarawak Clinker Sdn. Bhd., Southern Cement Industry Sdn. Bhd. dan Negeri Sembilan atau NS Cement Industry Sdn. Bhd. Adalah dijangkakan kilang-kilang ini akan beroperasi pada pertengahan tahun 1997 atau awal 1998.

- (b) Bekalan simen berkurangan pada tahun ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan ke atas simen akibat pertumbuhan pesat ekonomi negara khususnya sektor pembinaan sedangkan kapasiti pengeluaran kilang tempatan tidak berubah dan pengeluaran telah sampai ke tahap maksimum.

Kementerian menganggarkan bahawa permintaan simen bagi tahun 1995 di Semenanjung meningkat di antara 18% hingga 20% atau kekurangan bekalan di antara 540,000 tan hingga 680,000 tan. Sehingga bulan Disember 1995, pengeluaran simen tempatan dianggarkan berjumlah 9.81 juta tan.

Bagi menampung kekurangan ini, dianggarkan lebih 450,000 tan simen import dijangka dibawa masuk sehingga akhir bulan Disember 1995. Masalah kekurangan simen ini akan terus dihadapi sehingga tahun 1998 jika kadar permintaan terus kekal pada paras 18% hingga 12% setahun dan jika tidak ada pertambahan kapasiti pengeluaran clinker tempatan.

Berikutan dengan insentif yang diluluskan oleh kerajaan dalam bentuk elaun cukai pelaburan dan kenaikan harga simen sebanyak 10%, terdapat usaha oleh pengusaha-pengusaha tempatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Setakat ini, Pahang Cement dengan kapasiti 1.2 juta tan; Negeri Sembilan Cement Industry dengan kapasiti 1.2 juta tan; APMC dengan kapasiti tambahan 1.8 juta tan; Southern Cement Industry Sdn. Bhd. dengan kapasiti 750,000 tan dan Sarawak Clinker Sdn. Bhd. dengan keupayaan 600,000 tan telah memulakan kerja pembinaan kilang.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan sehingga akhir November 1995, sebanyak 5,054 premis telah diperiksa. Kesalahan yang dilakukan berjumlah 125 kes adalah kerana berniaga tanpa lesen, menyimpan simen tanpa kebenaran, menjual simen dengan melebihi harga kawalan kerajaan, melanggar syarat lesen, menyimpan melebihi had serta menyorok simen. Ini menunjukkan tidak ada kes sabotaj dari mana-mana pihak yang cuba menggagalkan pembangunan negara.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ya?

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan No. 6. Tetapi soalan tambahan, tidak apa.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Soalan tambahan atau soalan saya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, soalan tambahan pun boleh.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Dengan kekurangan simen ini, kita bimbang pihak yang membuat pembinaan akan mengurangkan ratio simen di dalam struktur-struktur pembinaan. Adakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memeriksa keadaan ini kerana kita bimbang pembinaan-pembinaan yang tidak kukuh ini mungkin akan menjadi merbahaya kepada pengguna-pengguna pada masa yang akan datang. Adakah pihak kementerian ada mendapat aduan ataupun ada menjalankan pemeriksaan dalam hal ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah kos pembinaan rumah, simen merupakan cuma 5% hingga 8% daripada jumlah kos pembinaan rumah. Maka, saya fikir sehingga sekarang, kementerian tidak menerima sebarang aduan tentang struktur rumah ataupun kekurangan simen yang digunakan untuk membina struktur rumah-rumah.

Selain dari itu, golongan profesional yang bertanggungjawab untuk mengawal selia dan juga memberi pengesahan terhadap struktur rumah adalah

arkitek dan juga structural engineer. Mereka mampu untuk memeriksa struktur rumah dan saya fikir pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkuasa untuk bertindak kepada mana-mana pihak yang menjalankan kerja dengan kurang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perhatikan bukan semua, tetapi ada jawapan daripada jawapan asal agak panjang sangat. Jadi, saya harap, demi mengekonomikan waktu, harap ringkaskan jawapan kita dan pergi straight to the point, dengan izin, supaya ianya lebih berbentuk jawapan dan jangan berunsur ucapan. Ini adalah supaya kita boleh cover, dengan izin, lebih banyak soalan bagi tiap-tiap sesi soal jawab ini.

KELAS TABIKA KEMAS - KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

6. Puan Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan adalah didapati kelas prasekolah anjuran Kemas telah memberi sumbangan yang besar kepada usaha membentuk generasi berwawasan. Semenjak ia ditubuhkan, sumbangannya terhadap pembangunan anak-anak prasekolah amat ketara:-

- (a) tetapi malangnya keadaan sesetengah kelas tersebut begitu daif dengan kemudahan yang amat kurang. Guru-guru tadika dibebankan dengan tanggungjawab untuk menyediakan peralatan mengajar dan keperluan asas lain melalui inisiatif masing-masing; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji kedudukan ini, dan memberi perhatian yang serius bagi mewujudkan kelas tadika yang ceria dan selesa bagi anak prasekolah, agar mereka terasuh untuk menjadi bangsa yang cemerlang.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K.**Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian memang sedar terdapatnya kelas-kelas tabika Kemas yang berada dalam keadaan daif dan kurang selesa. Sehubungan dengan itu, sejak tahun 1994, kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah lebih kurang RM4 juta setahun untuk membaik pulih kelas tabika Kemas.

Dalam hal penyediaan peralatan pengajaran dan ringkasan mengajar harian, ianya merupakan tugas harian seseorang guru, termasuklah pemaju masyarakat tadika Kemas dan ia tidak seharusnya dianggap sebagai beban tambahan. Alat-alat bahan pengajaran dan juga pembelajaran perlu disediakan sendiri oleh guru tadika dengan secukupnya mengikut perancangan harian berasaskan kurikulum pendidikan prasekolah dan juga keadaan setempat.

- (b) Adalah menjadi hasrat kementerian ini untuk mewujudkan kelas-kelas tabika Kemas yang ceria dan selesa. Ianya selaras dengan falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar yang berusaha ke arah menjadikan kawasan luar bandar

satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan.

Sehubungan itu, usaha-usaha telah dan sedang diambil untuk mengadakan suasana dan persekitaran, termasuk mengadakan reka bentuk tabika Kemas yang lebih ceria dan lanskap yang cantik dan menarik di kawasan tabika Kemas. Sebagai dorongan, hadiah penghargaan diberikan kepada tabika yang dapat menunjukkan persekitaran yang indah.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang ada nampaknya usaha-usaha dari pihak kementerian mengadakan landscaping, dengan izin, kepada tabika-tabika Kemas yang ada di negara kita ini. Tetapi yang kurang jelas sekarang ialah adakah pihak kementerian bercadang untuk membina kelas tabikanya sendiri ataupun bangunan tabika sendiri? Sebab pada masa sekarang, ini kita dapati rata-rata kelas tabika menumpang di balai raya, menumpang di bilik bacaan dan menumpang di rumah-rumah persendirian. Jadi, dalam usaha untuk menambahkan kelengkapan, adakah ini termasuk dalam bidang usaha kementerian?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kementerian saya telah mencadangkan untuk membina satu kelas ataupun satu sekolah khas untuk tabika kerana tabika ini diwujudkan sebagai satu community based activity, dengan izin. Oleh sebab itu, kita minta sumbangan daripada orang-orang tempatan dan oleh sebab itu kita menggunakan ruang-ruang di surau,

dewan orang ramai ataupun rumah individu. Baru-baru ini, Dewan Rakyat telah meluluskan satu Akta Pendidikan dan kita belum mengadakan satu perbincangan dengan kementerian itu. Apabila selesai perbincangan, mungkin kementerian akan mencadangkan untuk mengadakan kelas sendiri.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah wanita yang bekerja di Kemas dan berapakah jumlah kanak-kanak sekarang yang belajar di kelas prasekolah anjuran Kemas?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru, lebih 98% adalah wanita, tetapi saya tidak mempunyai satu angka yang tepat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bukan 98.9%.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Faridah binti Abu Hassan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

KAKITANGAN MAB MENDUDUKI RUMAH KERAJAAN - TINDAKAN

7. Puan Kamilia binti Ibrahim [di bawah S.O 23(2)] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan sedar bahawa kakitangan Malaysia Airport Berhad (MAB) masih menduduki rumah kerajaan yang sepatutnya diduduki oleh pekerja Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan dengan ini menyusahkan banyak kakitangan DCA dalam menjalankan tugasnya. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil supaya perkara ini tidak berlanjutan; dan
- (b) adakah kerajaan atau dari MAB akan menimbangkan apa-apa elaun kepada kakitangan DCA yang sepatutnya menduduki quarters ini (yang mana telah diduduki oleh kakitangan MAB). Di mana ini telah mendatangkan kesusahan kepada kakitangan DCA kerana terpaksa mencari/menyewa kediaman sendiri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd

Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Kementerian Pengangkutan sedar bahawa terdapat kakitangan Malaysian Airport Bhd. masih menduduki rumah quarters Jabatan Penerbangan Awam. Kementerian sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan, mengagihkan quarters di antara DCA dan juga MAB. Berasaskan kepada keperluan pegawai dan kakitangan tertentu yang perlu berada di kawasan lapangan terbang demi kepentingan operasi dan keselamatan lapangan terbang. Kedua-dua agensi pihak DCA dan juga MAB masing-masing menyumbangkan perkhidmatan yang dikategorikan sebagai essential services, dengan izin, iaitu perkhidmatan kawalan trafik udara oleh DCA manakala perkhidmatan-perkhidmatan keselamatan kebombaan dan sokongan teknikal dan penyelenggaraan oleh MAB.
- (b) Buat masa ini kerajaan belum ada lagi cadangan untuk membayar apa-apa elaun kepada DCA yang sepatutnya menduduki quarters tersebut. Perlu ditegaskan bahawa quarters tersebut adalah merupakan satu kemudahan dan tidak semua kakitangan DCA secara automatik layak kepada kemudahan yang diberikan.

FILEM SEKS DI TV - KAJIAN

8. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah perlu dikaji semula unsur-unsur seks di TV. Jika perlu, apakah bentuknya; dan

- (b) adakah kerajaan membenarkan penayangan filem-filem berunsur seks, ganas dan tahyul yang diklasifikasikan sebagai keterlaluan di TV dan pawagam selepas jam 10.00 malam mulai tahun hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie

bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan telah menyiapkan semula garis panduan penyiaran radio dan televisyen. Bagaimanapun sebelum ianya dilaksanakan, garis panduan itu akan dibincangkan dengan stesen-stesen penyiaran sedikit masa lagi, antara lain perbincangan itu adalah menyentuh aspek unsur-unsur seks yang ditontonkan dalam televisyen. Diharap melalui perbincangan itu nanti akan dapat mencapai permufakatan mengenai perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh disiarkan dalam televisyen.
- (b) Kementerian Penerangan tidak akan membenarkan penayangan filem-filem berunsur seks, ganas dan tahyul yang keterlaluan di televisyen pada bila-bila masa sekalipun. Hanya adegan-adegan yang mengandungi unsur-unsur seks, ganas dan tahyul yang sederhana dan tidak keterlaluan sahaja yang akan disiarkan dalam televisyen selepas jam 10.00 malam mulai tahun depan. Terpulanglah kepada ibu bapa untuk memilih dan menentukan program-program yang sesuai ditonton oleh anak-anak mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberikan gambaran, tak payah contohlah, antara filem-filem yang berunsur seks keterlalauan dan yang sederhana?

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia hendakkan gambaran. Sila gambarkan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal: Tuan Yang di-Pertua, hendak beri gambaran secara praktikal agak susah sedikit. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak menjelaskan hanya secara lisan sahaja mengenai dengan unsur-unsur seks yang keterlalauan ini tidak payah disebutlah kerana kita di sini semuanya dewasa. *[Ketawa]* Semuanya faham dan saya rasa semuanya pun telah ada pengalaman tentang perkara ini. Manakala unsur-unsur seks yang tidak begitu keterlaluan sangat, contohnya ialah peluk tetapi berbaju, berpakaian. *[Ketawa]* Itulah yang tidak keterlaluan, mungkin raba-raba sedikit, itu pun tangan sahaja. *[Ketawa]* Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Zuki, jadi bukan sahaja gambaran, tetapi contoh pun dia beri. Tuan Kasim, sila.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, tentang filem seks itu tadi, adakah pihak kementerian telah mengambil kira dalam mengklasifikasikan filem-filem seks ini - tentang latar belakang kaum dan budaya rakyat Malaysia ini. Sebab setengah-setengah kaum misalnya, kalau mereka berjalan atau hidup tanpa berbaju pun itu satu perkara biasa kepada

mreka. Jadi, adakah perkara-perkara ini telah diambil kira untuk membuat sesuatu penentuan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, sememangnya itu adalah salah satu faktor yang kita ambil kira iaitu budaya ketimuran kita. Tidak semestinya apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi tidak berpakaian pun kita akan tayangkan. Walaupun ada setengah-setengah filem itu yang datangnya daripada luar negara, namun demikian seperti yang saya jelaskan tadi, budaya ketimuran kita tidak ada komprominya, kita akan pertingkatkan untuk kita tonjolkan bukan sahaja di radio bahkan juga khususnya di TV. Sekian.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kementerian mencadangkan klasifikasi filem yang berunsurkan ganas, yang berunsurkan seks sederhana selepas jam 10.00 malam itu boleh ditayangkan. Adakah kementerian bercadang supaya mengiklankan ataupun memberi panduan kepada penonton bahawa filem tersebut adalah diklasifikasikan ganas atau seks supaya kita sebagai ibu bapa boleh memberi nasihat kepada anak-anak kita sebelum menonton bersama?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sebetulnya tanggungjawab mengklasifikasikan tentang mana satu filem yang berbentuk seks keterlaluan atau ganas ini adalah tertakluk dalam tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Walaupun demikian,

kerajaan pada hari ini telah pun menekankan, iaitu ada wajibnya -simbolnya - kita menekankan di situ supaya memperlihatkan filem-filem yang berbentuk seks ada simbolnya. Begitu juga dengan filem yang berbentuk klasifikasinya ganas dan tahyul. Itu diwajibkan untuk kita perlihatkan sebagai satu simbol supaya masyarakat maklum khususnya ibu bapa faham yang mana satu tayangan filem yang boleh kita pertontonkan kepada anak-anak kita.

LUMBA KERETA HARAM DI SEREMBAN - TAHANAN

9. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan baru-baru ini satu kejadian telah berlaku di Seremban di mana seorang penumpang telah ditahan dan dilokap di Balai Polis kerana kereta yang ditumpangi terlibat dalam satu kemalangan jalan raya pada tengah malam. Pemandu kereta berkenaan telah tercedera dan dibawa ke hospital, bolehkah beliau menerangkan bidang kuasa pihak polis tentang perkara tersebut di atas dan penumpang kereta ini digari dan ditahan dan dilokap di Balai Polis. Dalam kes ini pemandu kereta telah cedera dan dihantar ke hospital. Sebenarnya penumpang-penumpang yang dilokap di balai tidak bersalah atau melanggar sebarang undang-undang jalan raya. Adakah pihak polis berkuasa berbuat demikian. Selain daripada itu penumpang-penumpang yang dilokap tidak dapat dijamin pada tengah malam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah diklasifikasikan di bawah seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, yakni kesalahan memandu secara melulu dan merbahayakan. Kes yang lazimnya ditangkap tanpa waran sebagaimana termaktub di bawah seksyen 112(1A) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Dalam kes ini, tiga orang telah ditangkap dalam penugasan polis semasa operasi mencegah perlumbaan haram di bandar Seremban dan mereka telah dihadapkan ke Mahkamah Seremban dan akan

dibicarakan pada 7hb. Mei, 1996. Sehubungan dengan itu, satu penyiasatan berasingan sedang dijalankan bagi mengesah dan menentukan kesahihan tindakan yang telah diambil oleh pihak polis pada malam tersebut.

PUSAT PEMULIHAN DADAH - KEBERKESAAAN

10. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan peranan Pusat Pemulihan Dadah menangani masalah penagihan semula penagih-penagih dadah kerana kebayakan mereka masih terus menagih walaupun sudah menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat Serenti menyediakan berbagai program untuk merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah supaya dapat diintegrasikan ke dalam masyarakat sebagai seorang yang berguna, produktif dan bertanggungjawab. Setakat ini terdapat 24 buah Serenti yang sedang beroperasi dan 3 buah lagi pusat sedang dalam pembinaan dan pengubahsuaian semula di mana ianya boleh menampung sehingga 30,000 orang dalam satu masa apabila semua beroperasi kelak.

Penagih-penagih dadah yang menjalani rawatan dan pemulihan diberikan bimbingan dan pertolongan di samping berpeluang mempelajari berbagai-bagai kemahiran supaya mereka dapat meninggalkan tabiat penagihan yang negatif dan tidak berfaedah dan seterusnya mengubah gaya hidup kepada cara dan gaya hidup sihat. Namun begitu, daripada kajian-kajian yang dijalankan, hanya 33% sahaja daripada mereka yang menamatkan pemulihan

bebas sepenuhnya dari dadah, sementara itu 35% terlibat semula dan selebihnya tidak dapat dikesan.

Untuk meningkatkan keberkesanan dan prestasi pemulihan sekaligus mengurangkan masalah penagihan semula, beberapa langkah sedang diambil, iaitu:

- (a) mengadakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan yang menjurus kepada usaha-usaha dan pertolongan kepada penagih-penagih supaya boleh menghadapi dan mengendalikan situasi yang mendorong kepada masalah penagihan semula;
- (b) mewujudkan kumpulan pembimbing rakan sebaya di kalangan pelatih-pelatih supaya mereka boleh berperanan sebagai 'role model', dengan izin;
- (c) melibatkan pelatih-pelatih di peringkat prabebas dalam program penempatan kerja di kilang-kilang;
- (d) menerapkan unsur-unsur therapeutics community dalam sistem rawatan dan pemulihan;
- (e) menggemblengkan peranan bekas-bekas pelatih sebagai peer support group;
- (f) mengadakan program kesedaran di kalangan ahli-ahli keluarga melalui kursus-kursus bimbingan kekeluargaan yang memfokuskan kepada peranan keluarga dalam konteks pemulihan; dan

- (g) melibatkan peranan dan penglibatan organisasi bukan kerajaan dan masyarakat secara keseluruhan untuk membantu kejayaan usaha-usaha pemulihan.

Walaupun beberapa langkah untuk mengatasi masalah 'relapse' telah diambil, namun usaha-usaha ini memerlukan komitmen dan penglibatan secara kolektif daripada berbagai pihak dalam masyarakat kerana masalah relapse ini berlaku ketika mereka sedang menjalani program jagaan lanjutan dalam masyarakat. Justeru itu, pihak masyarakat seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif terutamanya dalam membantu bekas-bekas penagih supaya diterima dan menjalani kehidupan lebih bermakna dalam masyarakat.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu fenomena yang masih terbiar sehingga hari ini iaitu masalah gam yang saya rasa gam ini pun merbahayanya lebih kurang dengan masalah dadah. Apakah pihak kementerian menyedari hal ini dan kalau ya, apakah tindakan ke atas penagih-penagih gam yang semakin hari semakin berleluasa?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar masalah gam ini dan telah pun kita sama-sama usaha dengan kementerian-kementerian yang lain yang mempunyai bidang kuasa seperti Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, masalah ini masih belum dapat kita menyelesaikan dari segi bidang kuasa dan juga dari segi definisi kimia gam itu. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil serius tentang masalah ini.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar terdapat tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa berlaku penganiayaan ke atas penagih-penagih dadah yang sedang menerima rawatan di pusat-pusat pemulihan dadah kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya sebenarnya tidak benar sangat yang mengatakan ada penganiayaan yang disengajakan oleh mana-mana pusat serenti. Apa yang sebenarnya berlaku baru-baru ini ialah hasil daripada operasi yang begitu intensif oleh pihak polis, kerajaan telah dapat menangkap ramai penagih hard-core, dengan izin, ataupun tegar dan yang hard-core ini bersikap lebih degil, lebih susah untuk dipulih. Apabila kumpulan ini telah dimasukkan di dalam beberapa buah pusat serenti, mereka telah memberikan pengaruh yang lebih negatif kepada golongan-golongan yang lain. Ada di antara mereka ini enggan mematuhi peraturan-peraturan ataupun enggan didisiplinkan, maka beberapa perkara telah berlaku.

Walau bagaimanapun, pihak berkuasa telah mengenal pasti masalah ini dan dalam masa-masa yang akan datang, kerajaan akan cuba mengenakan klasifikasi pusat di mana pelatih-pelatih ini akan diasingkan ataupun dilatih mengikut berapa seriusnya penagihan mereka iaitu tiga kelas yang utama iaitu peringkat awalan, sederhana dan tegar. Dengan adanya klasifikasi ini, saya yakin perkara ini akan dapat dikurangkan.

USAHAWAN BUMIPUTERA DI SABAH - BILANGAN

11. **Tuan Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan usahawan bumiputera yang ingin dilahirkan setiap tahun termasuk di negeri Sabah;
- (b) apakah kriteria ke atas pemilihan usahawan berwibawa; dan
- (c) apakah pula pendekatan yang efektif ke arah melahirkan seberapa banyak usahawan bumiputera berwibawa.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, bilangan usahawan yang hendak dilahirkan oleh kementerian akan mengambil kira nisbah usahawan dalam keluarga bumiputera yang dipersetujui dalam Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga (KEB3) seperti berikut:

- (a) Pada tahun 2000 satu usahawan bumiputera daripada 15 keluarga; tahun 2010, satu usahawan daripada 10 keluarga dan pada tahun seterusnya iaitu 2020, 1 usahawan setiap 5 keluarga. Sasaran ini adalah untuk seluruh Malaysia termasuk untuk negeri Sabah.
- (b) Kriteria pemilihan usahawan berwibawa adalah seperti berikut:-
 - (i) mempunyai minat, pengalaman dan pengetahuan dalam bidang perniagaan;

- (ii) mempunyai rancangan ataupun idea perniagaan untuk dijalankan;
- (iii) mempunyai modal permulaan sendiri sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah kos projek;
- (iv) dapat menumpukan sepenuh masa kepada perniagaan yang akan diceburi;
- (v) memiliki lesen perniagaan yang sah dari pihak berkuasa tempatan, Pendaftar Perniagaan ataupun Pendaftar Syarikat; dan
- (vi) sanggup menyertai apa-apa latihan, kursus atau ujian penilaian sikap yang akan diatitkan oleh kementerian.

Bagi setiap program pembangunan usahawan, kriteria-kriteria spesifik yang lebih khusus untuk program-program tersebut juga akan ditentukan.

- (c) Kementerian ini bertindak sebagai pemudahcara (facilitator) yang efektif dan berkesan dengan memimpin dan memberi dorongan, motivasi dan runding cara serta khidmat nasihat mengenai perkara-perkara berkenaan dengan dasar, strategi dan program pembangunan usahawan serta pelaksanaannya. Kementerian ini juga bertindak sebagai pusat rujukan

mengenai peluang-peluang perniagaan, hal ehwal usahawan dan keusahawanan serta clearing house bagi projek-projek usaha sama. Kementerian menggunakan pendekatan pemilihan selektif ataupun selective facilitation, dengan izin, untuk peserta-peserta bagi program-program pembangunan usahawan seperti vendor, franchise, skim payung, mentor, latihan kemudahan kewangan dan khidmat sokongan untuk memastikan mereka yang terpilih menjadi usahawan tulen, berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kriteria yang telah disebutkan, apakah pihak kementerian membuat sesuatu; maksud saya di sini terdapat usahawan berwibawa di Sabah baru-baru ini yang telah dipilih di mana usahawan ini adalah orang yang tidak pernah mengenang budi jasa Kerajaan Barisan Nasional. Apakah kriteria ini juga turut diambil kira?

Tuan Idris bin Jusoh: Dalam penilaian ini, kerajaan, insya-Allah, akan mengambil kira semua aspek yang perlu diambil kira.

HOSPITAL JANTUNG - RAWATAN PERCUMA

12. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan akan menimbang penubuhan sebuah hospital jantung yang memberi rawatan percuma kepada rakyat di negara ini; dan
- (b) jika ya, bilakah hospital tersebut akan dibina dan jika tidak kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan belum ada cadangan menubuhkan sebuah hospital jantung yang memberi rawatan percuma kepada rakyat.
- (b) Apa juga perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh kerajaan adalah dibayar oleh rakyat di mana adalah jauh lebih rendah daripada kadar yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta. Sekiranya seorang pesakit itu tidak mampu membayarnya, dia boleh membuat rayuan.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terdapat para pesakit yang dirujuk oleh hospital-hospital daerah ke IJN, hospital-hospital negeri ke IJN, selalunya pesakit-pesakit ini adalah pesakit yang telah tenat dan memerlukan rawatan segera; sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, appointment date, dengan izin,

selalunya mengambil masa sampai tiga bulan. Apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan atau mengatasi masalah ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tempoh menunggu seorang pesakit untuk mendapatkan pembedahan di IJN bergantung kepada keadaan penyakitnya. Kes-kes yang tenat atau emergency, dengan izin, dibedah dengan segera. Kes-kes yang memerlukan pembedahan segera (urgent) dibedah dalam jangka masa satu minggu. Kes-kes yang tidak begitu serius diletak dalam senarai menunggu (waiting list) selama enam hingga lapan bulan.

TEKNOLOGI DALAM BIDANG INDUSTRI NEGARA - PENCAPAIAN

13. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) tahap pencapaian pemindahan teknologi dalam bidang industri negara;
- (b) bidang pindah teknologi yang telah dilaksanakan setakat ini;
- (c) bidang R&D di Proton, setakat mana tahap pencapaiannya dan apakah produk-produk yang telah dihasilkan oleh Proton yang menunjukkan hasil R&D tersebut; dan
- (d) sama ada kementerian beliau telah mewujudkan suasana insentif yang cukup untuk menggalakkan kumpulan profesional menghasilkan ide-ide baru yang boleh dikomersilkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan**Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini tahap pencapaian pemindahan teknologi dalam bidang industri negara adalah memuaskan. Industri tempatan pada masa kini telah berkeupayaan menguruskan operasi perkilangan dengan penggunaan teknologi yang canggih terutama dalam sektor elektrik dan elektronik.

Bagi sektor carigali minyak dan gas, petro-kimia dan tenaga, industri tempatan telah juga mempunyai kemahiran untuk mengendalikan operasi dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, pemindahan teknologi merupakan satu proses yang dinamik dan syarikat tempatan perlu sedia mempelajari serta menyerap pengetahuan baru untuk meningkatkan lagi keupayaan teknologi.

- (b) Bagi tempoh 1989 hingga Oktober 1995 kerajaan telah meluluskan sebanyak 971 perjanjian pemindahan teknologi bagi sektor perkilangan. Perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi ini adalah terdiri daripada perjanjian usaha sama, dengan izin, joint-venture, bantuan teknikal, lesen dan paten, bantuan know-how dan hakcipta. Bagi perjanjian pemindahan teknologi sebanyak 113 lagi adalah terdiri

daripada perjanjian pengurusan, perkhidmatan, kejuruteraan, turnkey, perbekalan dan pembelian, penjualan dan pemasaran.

- (c) R&D amatlah penting bagi Proton. Setakat ini Proton telah mewujudkan R&D Proton yang telah berjaya membangun dan meningkatkan tahap pencapaiannya dalam pelbagai bidang dan aspek. Antara kejayaan ini adalah dilihat apabila R&D Proton berjaya melaksanakan perubahan kosmetik kepada model-model asalnya iaitu Saga, Magma, Iswara dan Wira 1.3, 1.5, 1.6 dan Wira 1.8, juga Satria serta aksesori-aksesori yang berkaitan. Perubahan ini melibatkan peningkatan produk dan termasuklah juga tahap ambasseey.

Proton juga mampu melakukan berbagai ujian ke atas kereta dan produk pengeluarannya di kilang Proton. Antara ujian-ujian di kilang termasuklah ujian ke atas bahan-bahan dan komponen tertentu. Pada masa ini sebanyak 60% hingga 70% komponen kereta Proton adalah terdiri dari kandungan tempatan. R&D Proton sedang merancang dan berusaha bagi mencapai 100% kandungan tempatan serta berkemampuan mengeluarkan keretanya sendiri menjelang akhir abad ini.

- (d) Untuk menggalakkan kumpulan profesional menghasilkan ide baru kerajaan telah menyediakan insentif, infrastruktur serta sokongan institusi seperti berikut:
- (i) menyediakan pelbagai anugerah kepada individu yang berjaya menghasilkan ciptaan baru;
 - (ii) menyediakan insentif-insentif untuk menggalakkan syarikat menjalankan R&D bagi menghasilkan barangan baru dan pembangunan produk yang sedia ada;
 - (iii) menyediakan geran untuk aktiviti penyelidikan di bawah Skim Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan, Skim IRPA kepada institusi-institusi penyelidikan dan universiti. Penubuhan infrastruktur seperti Taman Teknologi Malaysia dan Taman Teknologi Tinggi Kulim untuk menyokong pembangunan teknologi yang dijalankan oleh usahawan tempatan; dan
 - (iv) penubuhan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi tujuan mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan dan mempromosikan pertumbuhan syarikat berasaskan teknologi serta menyediakan modal teroka.

Pakej insentif dan sokongan institusi yang disediakan adalah komprehensif dan mencukupi, bagi menggalakkan kumpulan-kumpulan profesional menghasilkan ide-ide baru yang boleh dikomersilkan. Namun begitu kerajaan mempunyai dasar yang terbuka kepada cadangan-cadangan baru untuk memperkemaskinikan dan memperbaiki kemudahan insentif sedia ada dari masa ke semasa.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pengawasan pihak kementerian, adakah terdapat syarikat-syarikat usaha sama yang mana ingkar untuk memindah teknologi kepada negara kita dan kalau ada, sila namakan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, program pemindahan teknologi belum boleh dianggap sebagai telah mencapai sepenuhnya hasrat kerajaan, memang kita tidak boleh nafikan. Tetapi sama ada program ini berjaya atau tidak, bukan sahaja terserah kepada kesanggupan syarikat-syarikat asing atau syarikat-syarikat usaha sama untuk memindah teknologi itu, ianya juga berkaitan dengan kemampuan syarikat-syarikat tempatan menyerap dan menerima teknologi-teknologi baru. Maka alasan-alasan seperti syarikat-syarikat tempatan tidak dapat atau tidak mampu untuk menyerap teknologi ini harus kita kaji, kita teliti, tetapi ianya harus gabungan dua-dua pihak untuk ianya berjaya.

Kementerian sekarang ini sedang mengkaji sama ada kedua-dua pihak bersalah atau tidak dan sama ada program-program khusus untuk mempertingkatkan lagi penyerapan dan kesanggupan syarikat-syarikat asing untuk memindah teknologi ini kepada kita.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi ada mengatakan bahawa tahap pencapaian pemindahan teknologi adalah memuaskan. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian mempunyai matlamat atau 'goal' dalam pencapaian pemindahan teknologi untuk kita mencapai kepada tahap negara industri.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Memang 'goal' kita ialah supaya syarikat-syarikat tempatan dapat mengeluarkan kesemuanya teknologi-teknologi ini daripada kandungan-kandungan atau daripada sokongan-sokongan syarikat tempatan. Tetapi kita harus realistik dalam kehendak kita, sebagai contoh komponen-komponen kritikal dalam Proton sebagai contoh, enjin dan transmisi mungkin tidak kos efektif dari segi keluarannya dan pasaran tempatannya. Dari segi itu sahaja mungkin lebih wajar dan harus kita mengimport barangan-barangan ini, maka dasar kerajaan dalam perkara ini adalah begitu pragmatik sekali dan mengikut keadaan tuntutan semasa dan tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 39 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[20hb. Disember, 1995]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, sila sambung.

3.38 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung perbahasan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 ini, saya ingin memberi jawapan lanjut kepada soalan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad kelmarin.

Sebenarnya soal penuntut belajar di tempat-tempat sementara bukan sahaja berlaku di kawasan tempat saya, tetapi di tempat-tempat lain juga, saya kira akhbar-akhbar tempatan ada memaparkan perkara tersebut.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan kelmarin, pelaksanaan program peningkatan mutu hidup dan infrastruktur rakyat luar bandar yang digulungkan sebagai rakyat yang perlu dibela hendaklah dipertingkatkan dengan kadar segera. Dicadangkan supaya jentera-jentera kerajaan di akar umbi daripada pegawai daerah sehingga kepada ketua-

ketua kampung diberi garis panduan dan latihan secukupnya bagi memberi perkhidmatan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Amanah Ikhtiar Malaysia sekarang telah mewujudkan peluang menambahkan pendapatan isirumah termiskin tetapi penampilannya belum begitu menyeluruh. Dicadangkan program ini dapat diperluas dan untuk lebih berkesan seterusnya diharap pihak Amanah dapat bekerjasama dengan agensi setempat iaitu agensi perancangan luar bandar seperti Jabatan Pertanian, RISDA, juga koperasi dan lain-lain agensi lagi. Kerana dengan cara ini, peserta boleh memperolehi kemahiran daripada agensi tadi mengikut bidang masing-masing dan mendapat bantuan dari segi kewangan dan modal daripada Amanah Ikhtiar Malaysia dan di masa yang sama pihak JKK terutamanya ketua-ketua kampung haruslah diberi maklumat sepenuhnya di atas soal ini supaya mereka juga dapat memberi sokongan untuk menjayakan program Amanah Ikhtiar Malaysia setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pertanian dalam strategi membantu meningkatkan taraf hidup golongan termiskin ini juga telah memainkan peranan dengan Program Pembangunan Petani, penyatuan dan pemulihan tanah dan aktiviti-aktiviti lain untuk meningkatkan produktiviti dan kegiatan-kegiatan tani yang bercorak komersil. Ternyata peruntukan begitu banyak telah diperuntukan pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang lalu kepada Kementerian Pertanian, tetapi mengikut angka yang diberi, sumbangan pertanian kepada keseluruhan pendapatan eksport telah menurun daripada 20% kepada 11%.

Adakah di sini kita boleh membuat andaian bahawa strategi-strategi untuk Rancangan Malaysia Keenam tidak berkesan ataupun hasilnya nanti akan dapat dilihat beberapa tahun kemudian ataupun adakah keadaan ini menampakkan kelemahan kementerian sendiri? Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian haruslah meneliti hal ini dan cubalah lihat kalau-kalau ada rangka-rangka yang berlapuk di dalam gerobok di kementerian. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian Pertanian melepaskan Koperasi Asas Tani dan Perikanan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian pada tahun 70-an dahulu kembali kepada Jabatan Pembangunan Koperasi supaya dapat diselaraskan pentadbiran sebagaimana koperasi-koperasi di bawah kawalan Felda, Felcra dan Risda yang telah begitu maju jika dibandingkan dengan koperasi di bawah kawalan Kementerian Pertanian.

Koperasi Asas Tani dan Koperasi Perikanan ini bukan sahaja tidak bermaya, malah telah banyak yang berkubur dan jumlahnya berkurangan dari setahun ke setahun dan asetnya juga hilang entah ke mana. Kalau Koperasi Perikanan saya kira boleh dikira dengan jari di seluruh negara. Apabila kita mewakili gerakan koperasi ke luar negara, kita cuba tutup cerita-cerita ini dan mengketengahkan gerakan koperasi yang berjaya seperti Gerakan Koperasi Sekolah dan koperasi di bawah kawalan Felda, Felcra dan Risda padahal Koperasi Asas Tani yang ada di kementerian kini adalah koperasi-koperasi yang telah menerokai gerakan koperasi negara yang pada suatu masa dahulu adalah merupakan koperasi-koperasi contoh negara. Saya sarankan

kementerian menimbangkan perkara-perkara ini dan melepaskan koperasi ini dan Kementerian Pertanian memberi tumpuan sepenuhnya kepada persatuan-persatuan peladang yang juga merupakan satu pentas yang baik untuk memberi bantuan kepada petani dan penduduk-penduduk luar bandar. Berilah tumpuan yang lebih bererti dan lebih berkesan supaya pertumbuhan-pertumbuhan peladang negara lebih berdaya maju dan lebih berdaya saing.

Di masa yang sama juga saya menyarankan supaya Kementerian Pertanian benar-benar dapat menjalankan program yang bercorak komersil supaya petani dapat sama-sama mendapat nikmat daripada ekonomi negara yang baik. Sekarang di sana sini ada kumpulan petani diajar membuat cili sos, makanan ringan, kueh-kueh tempatan malah masakan antarabangsa, membuat jem dan baru-baru ini juga MARDI telah melaporkan mereka telah mendapat satu resipi baru di mana jem boleh khususnya, cuba hendak dimasukkan ke pasar raya canggih di Kota London iaitu Harrod tetapi semua ini berlaku di tahap memberi demonstrasi dan dedahan sahaja. Ada petani tertanya-tanya tentang hendak memasarkan pasaran barang-barangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, impian saya juga saya rasa impian kita semua ingin melihat kaunter-kaunter pasar-pasar raya di seluruh negara mempamerkan jem buatan Malaysia diperbuat daripada buah-buahan tempatan. Saya minta Kementerian Pertanian merealisasikan impian ini dan apabila impian ini nanti menjadi kenyataan, iaitu apabila jem nangka, jem rambutan dan juga jem belimbing yang begitu sedap dan begitu baik bolehlah kita sekat kemasukan

jem epal ataupun rasberries ataupun juga jem orange daripada negara Yahudi. Pada masa itu nanti, saya kira Kementerian Kewangan bolehlah mengemukakan Belanjawan yang menaikkan cukai jem yang diimport dari negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap kelmarin berkenaan dengan kekurangan bekalan ayam yang membuatkan kenaikan harga yang tidak berpatutan, adakah Kementerian Pertanian tidak merasa bertanggungjawab untuk menangani masalah ini? Benar, memang boleh disekat dengan cara mengawal harga dengan paksa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi adakah sistem kawalan ini baik untuk jangka panjang? Mengikut kajian di negara-negara lain dan juga setempat, amalan ini tidak baik untuk negara kita yang berkonsep bebas ataupun free enterprise kerana kawalan harga ke atas terlampau banyak barang akan mewujudkan keadaan pasar gelap, tidak amanah di kalangan peniaga, rasuah dan juga meruncingkan bekalan iaitu shortages. Memang baik kalau dikawal harga barangan stabil seperti beras, susu, tepung dan lain-lain tetapi ayam bukanlah merupakan barangan yang tidak ada alternatif ataupun gantinya.

Saya kira Kementerian Pertanian boleh memberi sumbangan yang berkesan jika kementerian melalui agensinya mencari bahan gantian ataupun alternatif untuk dicadangkan dibela pelihara secara besar-besaran di seluruh negara dan dipromosikan secara besar-besaran juga, lebih-lebih lagi di masa perayaan kerana dengan begini permintaan untuk ayam akan berpindah dan jika

kurang permintaan atau lebih bekalan, harga ayam dengan sendirinya akan turun.

Saya membayangkan kalaulah yang kecilnya kita boleh alihkan selera kita kepada burung puyuh dan kalau besar, saya rasa bolehlah kepada ayam belanda kerana saya dengar burung puyuh ini membiak agak cepat dan ayam belanda banyak dagingnya. Saya beri jaminan bahawa, kalau orang Perak, rendang pedas burung puyuh dan ayam belanda memang sedap lagi daripada rendang pedas ayam malahan kalau ayam itu ayam cucuk. Ini, satu dua perkara untuk membuka selera, saya kira pakar-pakar di Kementerian Pertanian boleh fikir lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada Menteri-menteri hendak tahu, apa dia ayam cucuk itu? *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Hari itu Datuk Haji Ibrahim ada sebut 'ayam cucuk'. Semasa Datuk Haji Ibrahim bercakap tidak ada yang hendak bertanya. Saya ingin sebutkan bahawa 'ayam cucuk' ini adalah ayam peliharaan yang ayam kampung sedap juga sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa ayam cucuk tidak begitu sedap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu semua dia orang sudah ketawa tu. Agaknya hendak minta bawalah lain kali, biar rasa.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Insya-Allah. Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terus. *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Sepertimana biasa, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Akta Koperasi baru telah pun berkuat kuasa dan pada 1.1.1995, peraturan-peraturan telah mula dilaksanakan, tetapi didapati bahawa ada peraturan yang tidak boleh ataupun sukar untuk dilaksanakan. Saya mencadangkan supaya perkara-perkara ini diperbetulkan dan pandangan gerakan koperasi negara diambil kira termasuklah cadangan yang telah dibuat di satu seminar di Johor dan juga mengambil kira pendapat-pendapat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia yang telah pun diperbincangkan di setiap negeri di seluruh negara yang kini telah pun dikumpul dan akan dikemukakan kepada pihak kementerian.

Saya juga tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada soalan tambahan saya semalam. Saya benar-benar kecewa terhadap jawapan beliau apabila bertanya tentang program kementerian berkenaan untuk koperator wanita Malaysia, disebutkannya bahawa tidak perlu ada program khas bagi wanita di Malaysia. Ini, sungguh-sungguh bertentangan dengan kehendak gerakan koperasi negara yang tidak seimbang kini. Adakah kementerian sedar bahawa di Persidangan Wanita Seluruh Dunia di Beijing baru-baru ini telah pun mengiktiraf sumbangan wanita dalam gerakan koperasi adalah penting dan dapat membantu meningkatkan sosioekonomi negara di seluruh dunia? Adakah Kementerian Pembangunan Koperasi memilih untuk tidak bersama-sama dengan keputusan tersebut? Adakah juga kementerian sedar tentang daifnya penyertaan wanita dalam gerakan koperasi negara kita?

Memang saya sebutkan semalam satu pertiga adalah wanita dan jika ada program tertentu, saya yakin bahawa angka ini boleh meningkat kepada 50% tetapi apabila saya kata dhaif adalah tentang penyertaan wanita kini di tahap pembuat keputusan dan penggubal dasar iaitu dikirakan cuma 3% sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian berpuas hati dengan pencapaian ini sehinggakan boleh memberi jawapan yang begitu tidak prihatin? Di manakah

arah tuju gerakan koperasi negara apabila sikap kementerian begitu cetek terhadap masalah ahli-ahli yang kini merupakan satu pertiga daripada seluruh ahli negara?

Saya ingin juga memberi satu gambaran kedhaifan penyertaan wanita dalam gerakan koperasi negara. Baru-baru ini saya berpeluang pergi ke Terengganu, berjumpa dengan satu gerakan koperasi di mana koperasi tersebut dianggotai oleh hampir 2,000 wanita iaitu 90% daripada keahlian seluruh koperasi tersebut dan koperasi ini adalah koperasi daripada sebuah kilang dan diperuntukkan di dalam Perlembagaan Undang-undang Kecil koperasi tersebut ada dua tempat dalam Lembaga Pengarah untuk wanita. Tetapi apabila kita pergi, tempat tersebut dibiarkan kosong. Bila kita tanya mengapa kosong, tak ada wanita yang hendak. Kini saya merasakan, Tuan Yang di-Pertua, amatlah memilukan hati saya dan sikap kementerian sendiri telah tidak dapat menampakkan kedaifan keadaan begini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah masalah ini hendak diketepikan oleh pihak kementerian dengan menyatakan tidak perlu ada program khas bagi wanita Malaysia walaupun dunia seperti Jepun, China, malah Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri berkata perlu. Saya ulang kembali, termaktub di dalam perbincangan di Persidangan Wanita Sedunia di Beijing dan Persidangan Koperasi Antarabangsa di Manchester, kedua-duanya pada tahun 1995 ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya harap wakil-wakil daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ada hadir di Dewan yang mulia ini dan pihak kementerian memberi perhatian yang serius di atas perkara ini walaupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lalu 'they chose not to answer.'

Akhirnya, saya harapkan bahawa pandangan dan cadangan saya dalam perbahasan ini diterima dengan baik dan diberi perhatian yang sewajarnya dan dikaji di mana boleh supaya pencapaian yang ada dapat dipertingkatkan. Saya sedar cadangan dan pandangan oleh Dewan yang mulia ini termasuk dari diri saya sendiri di masa-masa yang lalu telah diambil kira dan diterima. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Menteri-menteri di kementerian-kementerian yang lain yang telah berbuat demikian.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan 1996 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Chet Singh.

3.53 ptg.

Dato' Chet Singh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Belanjawan kali ini, Tuan Yang di-Pertua, telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan penganalisa dan pengulas. Boleh dikatakan Belanjawan ini merupakan satu langkah pragmatik

dalam memastikan pertumbuhan jangka panjang yang kukuh yang diimbangi dengan berbagai polisi untuk memenuhi kehendak-kehendak objektif negara.

Cara kepelbagaian keperluan yang begitu berbeza yang disarankan dalam dasar Belanjawan mencerminkan kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk mengorak langkah dalam menjadi Malaysia sebuah negara teknologi yang unggul menjelang tahun 2020. Sekalung pujian dan sanjungan harus diberi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Kewangan yang berkeupayaan lagi rajin atas usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menjadi sebuah negara industri dan berteknologi tinggi dan memerlukan sebilangan tenaga mahir yang berorientasikan teknologi, tenaga kerja kita mestilah lebih produktif. Justeru itu, tahap keupayaan seseorang pekerja mestilah ditingkatkan supaya setaraf dengan pekerja di negara maju. Untuk mencapai hasrat ini, kita memerlukan lebih banyak kaedah dan kemudahan bagi memungkinkan kemajuan dalam bidang kemahiran selain untuk transformasi tenaga pekerja kita sekarang.

Dalam hal ini, pernah dicadangkan supaya universiti tempatan dan institusi-institusi lain memainkan peranan yang utama dalam merangka ilmu kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian untuk membolehkan tenaga pekerja kita memasuki program sijil dan diploma berkaitan dengan teknologi pembuatan dan dengan izin, information technology. Program ini mesti disusun rapi dan kukuh agar pekerja yang rajin dan berkebolehan berpeluang

meningkatkan kedudukannya dari tahap sijil ke tahap diploma dan seterusnya ke peringkat sarjana. Ini bukan sahaja menggalakkan pekerja kita untuk berusaha memajukan diri, tetapi juga menyumbang secara positif ke arah meningkatkan bilangan tenaga untuk hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja yang akan menerima manfaat dari latihan kemahiran serta program peningkatan berkenaan amatlah besar, dan mungkin boleh mencapai 20,000 hingga 30,000 pekerja. Pelaksanaan program ini pula menuntut komitmen daripada universiti tempatan dan sokongan penuh dari sektor industri. Memandangkan pekerja tidak mungkin diberi cuti belajar, program ini boleh dilakukan pada sebelah malam, hari minggu dan waktu cuti. Penyelenggaraan boleh disusun secara pengajian luar kampus dan juga jarak jauh. Ini sudah tentu memerlukan daya kepintaran dan inovasi. Namun keperluan terhadap tenaga kerja yang mahir dan berteknologi menuntut agar program ini dilancarkan dengan segera. Untuk membiayai kos program ini, HIDF yang wujud kini mesti disemak dan perlu di'amend'kan agar peruntukan daripada HIDF boleh digunakan untuk kos program ini. Kos-kos yang berkaitan dengan program ini ialah tuition, makmal, bengkel, jentera dan rangka bangunan.

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan tenaga pekerja Malaysia yang benar-benar mahir, berpengetahuan dan dapat berdiri sama gagah dengan rakan seperjuangan yang terbaik di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk mejadi negara perindustrian seperti yang termaktub dalam Wawasan 2020, kita perlu pula memperkukuh dan memperdalam sektor industri. Kita memerlukan pembabitan yang aktif lagi positif dari golongan peniaga dan usahawan Malaysia yang sanggup menggunakan teknologi terkini dengan sokongan penyelidikan dan pembangunan, dengan izin, R&D, selaras dengan kehendak bidang perniagaan mereka.

Satu cara untuk mencapai taraf ini ialah dengan menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana. IKS ini perlu menjalinkan perhubungan erat dari fekteri-fekteri yang besar, dengan izin, multinational corporation yang beroperasi di Malaysia.

Mereka juga perlu bersaing sebagai pembekal untuk kilang-kilang di negara kita dan seluruh dunia. Pihak IKS juga perlu mengambil bahagian dalam pembuatan barangan dan jentera intermediate. Ini dapat membantu dalam peningkatan mutu dan sebagai bahan alternatif kepada kilang-kilang kita di negara ini.

Untuk mencapai hasrat ini, sektor pembuatan kita perlu berdaya saing dalam bidang pemerosesan, mutu, teknologi dan pembekalan. Pencapaian ini pula, menuntut usaha seluruh negara. Usaha mempromosi IKS mesti dibuat dalam konteks negara Malaysia tanpa berasaskan pertimbangan etnik. Pada pendapat saya, galakan yang wujud kini tidak sebegitu menarik dan saya mencadangkan supaya pertimbangan diberi insentif-insentif tambahan untuk

IKS seperti pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% atas pendapatan berkanun selama lima hingga sepuluh tahun; Elaun pelaburan sebanyak 100% atas perbelanjaan modal kapital selama lima hingga sepuluh tahun - elaun ini patut diluluskan sebagai potongan sehingga 100% dari pendapatan berkanun; Elaun atas pembinaan bangunan perindustrian untuk membangunkan kilang.

IKS juga patut diberi pertimbangan dalam menikmati insentif-insentif lain bagi usaha R&D dan golongan peniaga dan usahawan kita perlukan galakan dan saya rasa pembangunan golongan ini yang sejajar dengan pembangunan perindustrian kita sama penting dengan usaha mereka dalam mempromosi dan membangunkan wafer fabrication industry, dengan izin, dalam negara kita masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang hendak saya ucapkan dalam menyokong akta ini dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

4.03 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik atas pencalonan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan saya termasuk Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini atas sokongan, tunjuk ajar, bantuan dan nasihat yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini untuk peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun ini yang dibentangkan baru-baru ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas kejayaan cemerlang dalam pilihanraya umum pada April lalu. Kejayaan ini menunjukkan satu tindak balasan oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan lapisan kepada satu kerajaan yang bertanggungjawab dan mengambil berat atas kepentingan bukan sahaja masalah dunia akan tetapi kepentingan pembangunan negara dan menunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat jelata. Kita mesti mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat semua yang menyokong kita.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah memasuki tahun yang kelapan pertumbuhan yang lebih 8%, ini bukan satu miracle, dengan izin, akan tetapi ini adalah atas kestabilan politik, kerjasama, pengurusan ekonomi yang berhemah, dasar belanjawan yang bijaksana di bawah satu kerajaan yang adil dan berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyaksikan ekonomi dunia berkembang 3% termasuk negara-negara yang maju. Bagi Asia Selatan dan negara-negara membangun, ekonomi akan berkembang juga. Bagi Asia Timur dan termasuk Asean ekonomi dijangka akan turut berkembang sebanyak 6% ke 8%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah proaktif dan sikap optimus terhadap ekonomi antarabangsa dengan hubungan antara negara kita dengan negara tersebut, ekonomi negara kita akan berkembang juga jikalau kita teruskan kestabilan politik dan kerajaan. Ini tak akan dicapai kalau pihak yang tak bertanggungjawab selalu membuat gangguan bukan untuk kepentingan negara akan tetapi untuk kepentingan sendiri atas apa-apa rancangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan ekonomi kita telah menunjukkan dalam peruntukan belanjawan tahun ini. Peruntukan berbilion-bilion ini menunjukkan ekonomi negara kita stabil dan kukuh, kalau tidak dari manakah wang peruntukan yang kian bertambah tahun demi tahun akan datang. Bukan dari langit, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi dari hasil perancangan pengurusan ekonomi di bawah satu kerajaan serupa kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM55.467 bilion yang diperuntukkan bagi tahun ini daripadanya sejumlah RM41.266bilion ialah untuk perbelanjaan pengurusan dan RM14.2 bilion ialah untuk perbelanjaan pembangunan. Jika mengikut peratusan ialah 74% peruntukan untuk pengurusan dan hanya 26% untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbelanjaan untuk pengurusan adalah tinggi sedikit mengikut peratusan. Saya mengesyorkan perbelanjaan pengurusan dapat diketatkan. Dengan ekonomi yang kukuh dan jangkaan kutipan hasil yang akan meningkat iaitu 7.9%, saya cadangkan bahawa

peruntukan untuk pembangunan dapat ditambahkan khasnya untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit masalah perumahan. Sehingga sekarang, kerajaan masih belum lagi dapat mengatasi masalah perumahan kos rendah walaupun tabung perumahan kos rendah telah ditingkatkan dengan RM1 bilion lagi kepada RM2.4 bilion. Kerajaan perlulah peka masalah rakyat yang berpendapatan rendah ini termasuk kakitangan-kakitangan kerajaan sendiri. Aduan yang selalu diterima ialah bukan sahaja pemaju perumahan yang tidak peka masalah golongan ini akan tetapi kerajaan-kerajaan negeri dan penguasa tempatan pun serupa juga. Selalu kerajaan menekankan kepentingan etika dan high productivity, dengan izin, akan tetapi kalau duduk dalam rumah yang buruk, rumah setinggalan, rumah yang bocor, macam mana akan ada etika kerja?

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan adalah masalah semua pihak. Saya berharaplah kerajaan mengambil berat atas masalah ini. Semua pihak khasnya kerajaan negeri harus dipastikan membuat perumahan kos rendah dan sederhana untuk keperluan dasar perumahan negara ini. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri juga diminta mengambil perhatian atas memberi insentif kepada pemaju yang membina rumah kos rendah.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mengecualikan pembayaran sumbangan kepada TNB, Telekom dan lain-lain lagi. Saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan satu one-stop agency, dengan izin, untuk

meluluskan plan rumah kos rendah. Pada masa sekarang pemaju masih membayar sumbangan kepada TNB dan Telekom yang sudah diswastakan untuk sambungan perkhidmatan tersebut. Saya rasa syarikat-syarikat ini perlu mempunyai social obligation to make, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya syarikat pembangunan negeri-negeri juga memainkan peranan yang aktif untuk mencapai masalah perumahan. Janganlah membina rumah mewah yang dapat dijual seunit sebanyak RM300,000 - RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua, inflasi dalam sebuah ekonomi yang membangun seperti Malaysia mesti dikawal. Masalah inflasi bukanlah masalah negara Malaysia sahaja, ia adalah masalah negara-negara sedunia sama ada negara maju ataupun tidak maju, akan tetapi saya harap dasar mengekalkan pertumbuhan ekonomi kita dapat mengawal inflasi dengan kadar yang rendah sekali. Masalah inflasi ini rumit dan kalau tidak di jaga dengan betul-betul orang yang berpendapatan rendah akan menjadi mangsa pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini walaupun dasar kewangan telah diketatkan, masalah inflasi tidak dapat dikawal sampai ke tahap yang terlalu terendah. Ini menunjukkan perkembangan kewangan terlalu tinggi dan saya harap kerajaan ada satu dasar untuk menstabilkan dan juga membolehkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana mengambil berat terhadap generasi muda di negara ini. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum menyanjung tinggi kecemerlangan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dinamik, ikhlas, bijak dan berwawasan. Mereka telah memimpin kita semua terutamanya golongan belia untuk kestabilan negara dan keharmonian kaum. Ini dicerminkan dalam menganjurkan satu seminar antarabangsa bertajuk “Islam dan Confusionism” oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Seminar ini sangat bermakna kepada negara ini untuk membantu memupuk persaudaraan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Seminar ini telah menyediakan satu landasan ke arah memantapkan lagi perpaduan kaum di negara kita. Cadangan Yang Amat Berhormat menubuhkan Pusat Penyelidikan Asia Timur amatlah dialu-alukan. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat untuk menubuhkan suatu yayasan untuk membuat kajian dan penyelidikan mengenai Tamadun Islam dan Confusionism.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan kerajaan mengenai pindaan Akta Pengambilan Tanah. Untuk memperjelaskan maksud pengambilan tanah untuk pembangunan awam supaya peruntukan dalam pindaan tersebut tidak disalahgunakan atau disalahtafsirkan bagi memudahkan penilaian bayaran pampasan. Saya mengesyorkan supaya garis panduan untuk mengambil tanah hendaklah diumumkan untuk pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap keutamaan akan diberi kepada pemilik-pemilik tanah asal untuk membangunkan projek atas tanah yang diambil itu. Sekiranya pemilik tanah berkenaan tidak berniat untuk membangunkannya mereka berhak untuk mencari joint venture, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tanah-tanah yang mendapat kelulusan plan pembangunan tidak harus diambil. Saya mengesyorkan supaya satu jawatankuasa khas Kabinet di Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan untuk meneliti proses pengambilan tanah. Dengan itu, saya memberikan sokongan penuh kepada Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Maidom P. Pansai.

4.16 ptg.

Datuk Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1996 yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini. Saya tidaklah bercadang untuk bercakap panjang lebar kerana kesuntukan masa dan saya hanya sekadar menyentuh beberapa perkara yang saya anggap perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu memandangkan bahawa ini adalah merupakan, dengan izin, maiden speech saya di Dewan Negara ini, maka saya ingin mengambil kesempatan untuk melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Pedana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohamad Salleh bin Tun Haji Mohd. Said Keruak selaku Ketua Menteri Sabah, di atas keyakinan mereka untuk melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Sesungguhnya saya merasa terhutang budi kepada mereka dan saya tidak tahu bagaimana saya boleh membayarnya selain dari berjanji untuk berusaha dengan segala upaya untuk menjalankan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara dengan penuh kesungguhan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang rang undang-undang tersebut, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan menerusi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia kerana kejayaannya untuk menggubal suatu rang undang-undang

yang merupakan Dasar Belanjawan Negara , 1966 yang begitu positif dan meyakinkan merangkumi segala aspek pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan seluruh kehidupan manusia selaras dengan hakikat murni kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyatnya. Ini semuanya jelas membuktikan betapa kerajaan menyedari hakikat umum bahawa kegembiraan rakyat adalah kegembiraan kerajaan. Kegembiraan kerajaan adalah kegembiraan rakyat sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun saya menyatakan demikian, kita haruslah juga menerima hakikat sebenar bahawa sesuatu dasar itu mempunyai dua bahagian yang terpenting. Bahagian pertamanya ialah penggubalan dasar itu sendiri seperti Rang Undang-undang Perbekalan 1996 yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini. Bahagian keduanya ialah pelaksanaan dasar itu. Pencapaian matlamat sesuatu dasar adalah bergantung kepada pendekatan dan cara pelaksanaannya. Jika tidak, betapapun indahnya sesuatu dasar itu, jika pelaksanaannya tidak sempurna, nescara dasar itu hanya tinggal dasar sahaja dengan keindahannya yang hanya dapat ditonton di atas kertas tetapi tidak dapat dilihat, tidak dapat dipegang dan tidak dapat dinikmati dalam ertikata yang sebenar-benarnya. Justeru itu, untuk menjamin pencapaian sepenuhnya, pihak pelaksana mestilah mempunyai pendekatan yang bersistematik, pihak pelaksana di semua peringkat haruslah dedikasi, mempunyai kesungguhan, kejujuran dan keikhlasan dalam mengendalikan pelaksanaan.

Malahan pihak pelaksana haruslah bukan sahaja benar-benar komited tetapi emosionaly committed, dengan izin, terhadap pelaksanaan yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Jika tidak, maka saya khuatir terjadi seperti apa yang telah berlaku kepada Dasar Ekonomi Baru di mana meskipun tidak siapa yang dapat mempertikaikan keberkesannya, namun masih juga tidak dapat membuat pencapaian matlamat sepenuhnya, bukan kerana dasar itu tidak baik, melainkan Dasar Ekonomi Baru itu adalah sesuatu dasar amat baik sekali tetapi permasalahannya ialah cara pelaksanaannya.

Satu lagi contoh yang boleh kita gunakan ialah kejadian seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara yang telah dibangkitkan oleh teman kita Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dalam ucapannya ketika membahaskan rang undang-undang ini tempoh hari, iaitu belanja pengurusan melebihi anggaran perbelanjaan tetapi belanja untuk pembangunan adalah kurang daripada anggaran belanjawan.

Kenapa ini harus terjadi demikian? Kerana cara pelaksanaannya. Takkan disebabkan negara kita ini sudah benar-benar, dengan izin, fully developed dan tidak lagi memerlukan perbelanjaan untuk pembangunan. Kalaupun perbelanjaan yang tidak habis itu adalah untuk projek-projek pembangunan yang spesifik, tetapi peraturan Perbendaharaan membolehkan kita menggunakan untuk lain-lain projek yang dianggap perlu secara, dengan izin, virement.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar sebagaimana positifnya dasar Belanjawan Negara 1996 itu, maka begitulah juga pencapaiannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melanjutkan perbincangan saya mengenai rang undang-undang ini, saya mohon keizinan untuk menyentuh beberapa perkara dengan menggunakan negeri Sabah sebagai rujukan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, meskipun Sabah agak ketinggalan jauh dalam konteks pembangunan akibat masalah perhubungan di antara kerajaan pusat dengan kerajaan pembangkang di luar regim PBS sebelum ini, tetapi kini sejak kerajaan BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri itu pada dua tahun yang lalu, ternyata pembangunannya telah mula mengambil tempat dan kini sedang bergerak pantas.

Syabas dan tahniah saya ucapkan khasnya kepada kerajaan BN negeri Sabah yang ada pada hari ini dan seterusnya kepada kerajaan pusat yang merupakan tulang belakang kepada kerajaan negara Malaysia tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian saya dapati masih terdapat lagi beberapa perkara yang mana meskipun ianya mungkin dianggap sebagai remeh-temeh tetapi amat mustahak kerana ianya merupakan komponen bagi pencapaian matlamat murni kerajaan dalam konteks untuk mewujudkan rakyat negara ini hidup dalam keadaan gembira seperti yang dikatakan dalam bahagian awal ucapan saya tadi. Adalah perlu diberikan perhatian positif seperti berikut ini:-

Pertama, keperluan asas bekalan tenaga elektrik. Di negeri Sabah masih lagi banyak tempat atau kampung terpencil yang masih bergelap tanpa bekalan tenaga elektrik seperti di kawasan Parlimen P.14 Kota Belud yang diwakili oleh Yang Amat Berhormat Dato' Ketua Menteri Sabah sendiri yang juga selaku Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan itu.

Kepada tempat-tempat yang sudah ada bekalan elektrik pula, selalu mengalami masalah, dengan izin, black-out. Ini semuanya memerlukan peruntukan. Bukan di Kota Belud sahaja melainkan seluruh Sabah misalnya Kota Marudu dalam kawasan Pilihanraya Parlimen P.147 - Bandau di mana bekalan tenaga elektriknya mengalami empat kali atau lebih kerap daripada itu black-out, kadang-kadang tiap-tiap hari dan malam. Kadangkala berjam-jam lamanya sehingga menyebabkan kerosakan alat-alat elektrik atau, dengan izin, electrical appliances seperti TV, peti ais, computer set dan sebagainya.

Justeru itu, di sini saya mencadangkan supaya kerajaan menumpukan perhatian kepada kampung-kampung yang masih bergelap seperti yang saya katakan tadi dan kepada kampung-kampung yang sudah ada, maka akan diberi peruntukan bagi penyelenggaraannya dalam usaha untuk mengurangkan kekerapan black-out.

Seperkara lagi yang ingin saya sampaikan di sini iaitu merupakan rayuan kepada kerajaan supaya memberikan peruntukan subsidi kepada rakyat miskin untuk menampung belanja pendawaian bekalan tenaga elektrik dalam rumah. Sebagaimana yang diketahui bahawa kos pendawaian yang paling murah bagi

sebuah rumah ialah lebih kurang RM600. Bagi rakyat yang tergolong sebagai rakyat termiskin, adalah mustahil untuk melunaskan pembayaran sebanyak itu. Justeru itu, mereka benar-benar memerlukan bantuan bagi tujuan tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang kesihatan. Saya ingin bercakap di sini tentang permasalahan yang kita hadapi sekarang ini sebagaimana yang telah dilaporkan, kita dapat ikuti dalam majalah-majalah mahupun surat khabar bahawa penyakit kanser dan buah pinggang adalah begitu menjadi-jadi di negara ini dan Sabah adalah tidak terkecuali. Masalah besar yang dihadapi oleh rakyat yang mengidap penyakit tersebut di Sabah ialah akibat ketiadaan Unit Rawatan Penyakit Kanser atau buah pinggang di negeri itu. Para pesakitnya terpaksa dihantar sama ada ke Kuching, Sarawak atau ke Kuala Lumpur.

Biasanya pesakit berkenaan akan diiringi, escort, oleh anggota keluarga. Masalahnya ialah para pengiring berkenaan tidak akan dibenar tinggal di hospital bersama-sama dengan pesakit. Inilah yang menjadi masalah mereka, terpaksa menginap di lain tempat. Memang pihak pengurusan Rumah Sabah di Kuala Lumpur boleh membenarkan mereka menginap di Rumah Sabah tetapi itu pun hanya boleh menampung keperluan untuk beberapa orang sahaja. Itu pun mereka memerlukan belanja untuk perjalanan seperti tambang teksi. Begitu juga dengan makanan harian.

Kalau mereka terpaksa berada di Kuala Lumpur berbulan-bulan lamanya, bagaimana mereka boleh tahan? Lebih-lebih lagi jika mereka itu

tergolong sebagai rakyat termiskin. Justeru itu, saya merayu kepada kerajaan agar dapat mewujudkan Unit Rawatan Kanser, buah pinggang ataupun penyakit jantung di Sabah . Jadi, saya berharap kerana hanya dengan cara demikian sahaja kita akan dapat mengatasi permasalahan yang dibangkitkan itu.

Ketiga, pendidikan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah menggubal suatu Akta Pendidikan yang baru, yang telah pun sempurna dibahas di Dewan Rakyat dan diluluskan. Saya tidak mahu menyentuh dengan panjang lebar mengenainya di sini melainkan hanya menyentuh sedikit mengenai perkara asas dalam konteks kelengkapan alat-alat pembelajaran di peringkat rendah ataupun, dengan izin, primary khusus sekali di Sabah seperti alat komputer.

Sepertimana yang saya difahamkan bahawa di Semenanjung, alat pembelajaran menggunakan komputer sudah pun diperkenalkan di semua sekolah-sekolah di peringkat primary menerusi pengwujudan kelab komputer. Jadi, memang sudah tepat pada masanya demi untuk melengkapkan anak-anak kita dengan pengetahuan yang tentunya menjadi keperluan semasa dan seterusnya sebagai persediaan untuk menghadapi keadaan yang serba mencabar dalam zaman sains dan teknologi ini.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya sekolah-sekolah di tempat terpencil di negeri Sabah tidak diketepikan daripada kemudahan ini supaya mereka juga dapat menikmati apa yang dinikmati oleh teman-teman sebaya

mereka yang tinggal di bandar-bandar khususnya yang berada di ibu negara mahu pun Semenanjung Malaysia.

Yang keempat, tentang pembangunan usahawan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar meningkatkan pembangunan usahawan yang bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan modal pinjaman yang disumbangkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad atau PUNB dan Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) dan juga kerajaan, saya bukan sahaja menyokong tetapi menyanjung tinggi usaha mulia kerajaan sedemikian itu.

Saya percaya, jika dasar itu dilaksanakan dengan sempurnanya tentu sekali ianya boleh membantu kerajaan mencapai matlamat murninya menjadikan rakyat bumiputera sebagai rakyat industri dan masyarakat niaga menjelang tahun 2020. Namun demikian, untuk mencapai matlamat itu dalam erti kata yang sebenarnya, saya merayu kepada kerajaan agar dapat kiranya menubuhkan cawangan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad di Sabah dan begitu juga dengan Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) supaya ianya menjadi lebih accessible, dengan izin, oleh rakyat negeri berkenaan.

Permohonan ini dibuat adalah oleh kerana dalam seminar yang dianjurkan oleh PUNB di Sabah baru-baru ini di mana saya sendiri telah menyertainya. Kita difahamkan bahawa penyertaan masyarakat bumiputera dalam keusahawanan seperti bidang korporat dan sebagainya adalah masih di tahap yang terendah sekali. Saya juga telah terbaca satu laporan akhbar baru-baru ini yang menyatakan bahawa rakyat bumiputera di Sabah telah tidak

mempergunakan sepenuhnya Tabung Bantuan Pengusaha Kecil yang disediakan oleh CGC malahan sebahagian besarnya terpaksa diberikan kepada pengusaha bumiputera yang lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya perjelaskan di sini bahawa rakyat bumiputera di Sabah tidak kurang yang berjiwa usahawan, tetapi mampu mempunyai permasalahan soal modal kewangan dan bukan mereka tidak mahu mempergunakan tabung yang dikatakan tadi, tetapi mereka merasa berhadapan dengan permasalahan bagaimana mengurus untuk mendapatkan kemudahan tersebut yang berpejabat di Semenanjung Malaysia atau tegasnya di Kuala Lumpur.

Malahan, tidak keterlaluan saya katakan di sini, ada juga yang tidak tahu langsung tentang perkara ini disebabkan ketiadaan maklumat yang cukup. Oleh yang demikian, di samping keperluan kedua-dua PUNB dan CGC membuka cawangannya di Sabah, ianya mestilah mewujudkan effective information system, dengan izin, supaya kewujudan dan peranannya dapat diketahui oleh mereka yang memerlukan bantuan khidmatnya. Kalau tidak, saya khuatir dasar yang sebegitu indah itu akan tetap tinggal dasar sahaja dalam konteks negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang perlu dibicarakan di sini, tetapi sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersara kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, Setiausaha Dewan Negara yang akan

bersara pada 31hb. Disember 1995. Beliau banyak memberikan petunjuk bagi saya semasa saya menjadi Ahli Dewan Rakyat pada pertama kalinya pada tahun 1986. Beliau sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama yang diperlukan dari semasa ke semasa oleh Ahli-ahli Dewan, termasuk saya sendiri.

Justeru itu, saya berharap agar selepas bersara beliau akan terus berada di dalam keadaan yang kuat serta sihat walafiat dan seterusnya hidup bahagia di samping keluarga tersayang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dari saya dan dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat Datuk Maidom sudah kurang “sting”nya berbanding dengan waktu di Dewan Rakyat. Saya jemput Puan Kamilia binti Ibrahim.

4.32 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama membahas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pencetusan pemikiran dan pendekatan baru dalam olahan Belanjawan negara, “Baidatun toyyibatun wa-Rabbun Ghaffur”, iaitu negara makmur yang diberkati Allah, yakni negara adil, penyayang dan menghayati cita-cita murni kemanusiaan, pada hemat saya, telah membuahkan satu falsafah belanjawan yang berteraskan keadilan, kebenaran dan kesaksamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia, tunggu sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah Ahmad mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Kamilia, sila teruskan ucapan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Sesungguhnya perseimbangan keadilan, kebenaran dan kesaksamaan dalam struktur pentadbiran pembangunan ekonomi negara adalah pada hemat saya, berpaksikan tiga perkara iaitu pertama, pengurusan pembangunan ekonomi negara yang menekankan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan, peningkatan kecekapan perkhidmatan awam dan kawalan guna kuasa bertentangan dengan rasuah dan salah guna kuasa. Yang keduanya ialah pemastian insentif dan infrastruktur yang mampu menjamin pembentukan generasi akan datang yang lebih seimbang dari segi fizikal dan rohani. Yang ketiga, melebarkan kesejahteraan hidup di semua lapisan masyarakat desa dan kota ke arah peningkatan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan negara adalah untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi sementara menjamin kesaksamaan sosial dalam mana usaha membanteras inflasi dan mengawal defisit negara

belum wujud dalam rangka struktur undang-undang yang hanya berkesan jika dapat dikuatkuasakan.

Kita sedar segala cita-cita murni hanya akan tercapai jika pelaksanaannya amanah dan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas dan baik. Walau bagaimanapun, kita juga sedar bahawa beberapa kelemahan wujud yang mana kita dapati perkara-perkara seperti pecah amanah, rasuah, salah guna kuasa adalah perkara-perkara yang menjejaskan matlamat belanjawan, sama ada ia menyebabkan perbelanjaan yang merugikan, mengurangkan kelicinan kerja-kerja dan pengendalian kerja-kerja, pembaziran dan juga projek-projek yang terbengkalai.

Kelemahan-kelemahan ini hanya boleh diatasi dengan wujudnya satu sistem penguatkuasaan undang-undang yang efektif kerana keadilan bukan sahaja perlu dilaksanakan, tetapi mesti dilihat telah dilaksanakan. Dengan izin, *justice must not only be done, but must be seen to have been done.*

Justeru itu, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan akan amat bergantung kepada sistem kehakiman yang *credible* dan *competent*. Hakim-hakimnya perlulah beretika, berlaku adil dan jauh sekali berasuah. Peningkatan tahap pencapaian hakim perlu ditekankan dalam aspek pemilihan hakim, yakni dikenakan standard yang tinggi bagi seorang hakim yang dilantik dan perlunya pelaksanaan kod etika hakim dan seterusnya memastikan keadaan fizikal kehakiman itu sendiri tidak memberi peluang-peluang atau ruang-ruang yang membolehkan sebaran kegiatan rasuah dan salah guna kuasa.

Kita tahu bahawa rasuah dan salah guna kuasa adalah barah bagi mana-mana negara. Kita juga tahu bahawa dengan kemenangan yang begitu besar bagi Barisan Nasional, negara ini senantiasa diamati oleh negara dari dunia kerana kuasa yang diberi kepada kerajaan dan kepada parti adalah satu amanah yang perlu dijalankan dan dilaksanakan dengan penuh keadilan.

Oleh itu, kita perlulah melihat kepada mahkamah sebagai satu mekanisme kawalan dan pengimbang bagi kuasa yang telah diberi dan untuk mahkamah dapat menjalankan tugasnya dengan efisien, undang-undang juga perlulah merupakan undang-undang yang dapat membantu mahkamah melaksanakan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini yang sangat-sangat kita khuatiri, kerana ia bukan sahaja merupakan masalah di negara ini, tetapi banyak terbukti di negara-negara seperti baru-baru ini di South Korea, begitu juga di Jepun dan tidak kurang di negara-negara Barat seperti Itali dan sebagainya. Saya mencadangkan bahawa Akta Pencegahan Rasuah, seksyen 14 hendaklah dipinda untuk ditambah “presumption”, dengan izin, atau anggapan rasuah di dalam Akta tersebut untuk membolehkan pihak yang melaksanakan kerja-kerja mencegah rasuah dapat menyabitkan kes-kes berkenaan dengan rasuah dengan lebih licin dan lebih teratur.

Ini juga berkamna pindaan perlu dibuat kepada perundangan yang berkaitan iaitu pindaan perlu dibuat dalam peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksan dan Kanun Prosidur Jenayah. Kita tidak mahu kes-kes rasuah dengan mudah dapat dibuang, walhal kita tahu bahawa perkara-perkara tersebut memang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mencegah perbuatan keji ini juga, kita perlu memastikan bahawa hukuman yang setimpal dengan kesalahan rasuah yang disabitkan. Saya juga ingin mencadangkan hukuman mandatori yang dijatuhkan untuk kesalahan rasuah yang sedia ada dalam undang-undang yang wujud perlulah ditafsirkan sebagai hukuman-hukuman yang perlu dijatuhkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan kerana apa yang berlaku sekarang, ada kes-kes di mana berlakunya sesuatu kesalahan rasuah dan pesalahnya dijel satu hari. Mungkin juga pihak hakim-hakim yang berkenaan perlu diberi kursus tentang hukuman atau sentencing, dengan izin, satu refresher course on sentencing.

Kita tahu, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa penguatkuasaan undang-undang itu adalah penting, kerana apa pun dalam falsafah-falsafah sosiologi, sama ada Barat ataupun Islam, mereka telah mengatakan bahawa adalah baik jikalau perkara-perkara yang tidak baik itu dapat diselesaikan tanpa menggunakan hukuman undang-undang.

Tetapi kita juga tahu daripada pengalaman kita bahawa tidak ada kesalahan-kesalahan yang dapat dibanteras melainkan dengan dijatuhkan hukuman-hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya mencadangkan bahawa bagi penguatkuasaan kesalahan atau pelanggaran undang-undang yang ada yang mana tiap-tiap kementerian atau tiap-tiap perkara itu seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar contohnya, mempunyai undang-undang bersendirian, kita mewujudkan satu badan bebas khusus untuk menguatkuasakan pengawasan kesalahan-kesalahan yang melibatkan pelanggaran undang-undang. Ini ialah seperti yang kita tahu, kalaulah kita

ambil contoh seperti mana rakan saya Dato' Abdul Aziz mengatakan tentang kesalahan alam sekitar - pembuangan toxic waste - kita dapati undang-undang kurang berkesan kerana salah satu sebab ialah, kementerian tidak cukup kakitangan.

Jadi, adalah wajar kita mewujudkan satu badan khusus untuk mengambil tindakan atau menguatkuasakan pelanggaran undang-undang yang ada. Mungkin juga kita boleh mempertimbangkan konsep, dengan izin, citizens arrest, terutamanya pada hemat saya dalam kesalahan-kesalahan kecil seperti membuang sampah dalam longkang. Walaupun kesalahan membuang sampah ke dalam longkang nampak kecil tetapi sebenarnya perbuatan ini boleh menyebabkan perkara-perkara yang lebih menyusahkan kerana ianya boleh menyebabkan banjir kilat dan bayangkanlah apa yang boleh berlaku apabila berlakunya banjir kilat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks penguatkuasaan undang-undang, pastinya undang-undang itu dianggap akan memberi perlindungan dan keadilan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, salah satu daripada aspek yang telah saya sebutkan juga ialah tentang perkhidmatan awam. Keadilan dan kesaksamaan juga tidak akan tercapai tanpa khidmat perkhidmatan awam. Kita tidak dapat nafikan bahawa perkhidmatan awam negara ini adalah satu perkhidmatan yang berjaya dan telah banyak menyumbangkan kepada kecemerlangan negara dalam pembangunan. Walau bagaimanapun, masih ada ruang-ruang untuk memperbaiki pencapaiannya.

Adalah dirasakan perhatian lebih perlu diberikan kepada memperkemaskan peraturan dan prosedur urusan-urusan pentadbiran supaya dapat memenuhi kehendak masa kini dan juga masa hadapan. Ini bermakna bahawa prosedur-prosedur yang ada yang mungkin lewat-lewatkan sesuatu tindakan, contohnya, pembayaran gaji bagi seorang pegawai yang berpindah ke tempat lain. Juga prosedur-prosedur yang membolehkan peluang-peluang dan juga perbuatan-perbuatan tidak amanah atau salah guna kuasa berleluasa dapat juga kita baiki. Kerana kita sedar dan faham bahawa perkhidmatan awam adalah suatu perkhidmatan yang perlu memberikan perkhidmatan kepada pihak awam dan ini bermakna juga banyak interaksi di antara pihak awam dan rakyat dan perkara ini mungkin juga menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Saya ingin menyedut satu pandangan daripada buku Syed Hussein Al-Attas yang bertajuk, dengan izin, 'Corruption - Its Nature, Causes and Functions'. Dia telah menyatakan bahawa, dengan izin, corruption generates overall inefficiency in the bureaucracy. Justeru itu, adalah sesuai saya juga menyentuh tentang perkhidmatan awam dari sudut yang telah dibincangkan awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya dalam aspek yang pertama lagi, ialah tentang badan-badan berkanun. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara di muka surat 95 telah menyebutkan beberapa kelemahan yang telah didapati dalam laporan-laporan kewangan oleh badan-badan berkanun. Kita faham dan

kita sedar bahawa badan-badan berkanun adalah badan-badan yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu kerajaan menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas agar projek-projek dan juga kerja-kerja kerajaan dapat dibereskan oleh badan yang berasingan. Walau bagaimanapun, kita juga sedar bahawa perkara-perkara seperti salah guna kuasa dan penyelewengan juga wujud. Kita dengar dan kita dapat maklumat-maklumat bahawa penyelewengan peruntukan-peruntukan, contohnya, kos melebihi apa yang sebenarnya iaitu kos yang diperlukan untuk projek-projek tertentu. Ini boleh dikatakan satu amalan 'money politics' yang biasa dilaksanakan dan kita juga susah mengesan perkara-perkara ini. Kita juga perlu faham bahawa kegiatan-kegiatan atau amalan money politics ini juga memberi implikasi kepada usaha-usaha kita untuk menyekat atau mengawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, untuk kita dapat mengawal dan mengawasi perkara-perkara ini, kita menubuhkan satu badan bebas yang bertanggungjawab kepada Parlimen untuk dapat jadi 'second opinion', dengan izin, bagi audit-audit yang telah dijalankan bagi badan-badan berkanun dan badan-badan ini perlulah bertaraf antarabangsa yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk rakyat melalui wakil-wakil rakyat terutamanya dalam perdebatan dan meluluskan belanjawan-belanjawan yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang telah saya sebutkan ialah dalam aspek pemastian insentif dan infrastruktur yang menjamin pembentukan generasi yang akan datang lebih seimbang dari segi fizikal dan rohaniah.

Sebenarnya perkara ini telah banyak disebutkan oleh rakan-rakan yang terdahulu daripada saya yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Saya hanya ingin memberi tumpuan kepada perkara yang berkaitan dengan wanita. Sebenarnya bukan perkara itu perlu dilihat daripada aspek wanita tetapi perlu dilihat daripada persoalan ke arah satu masyarakat yang adil dan saksama dan merupakan satu masalah nasional.

Saya ingin menekankan di sini bahawa pengembangan fizikal negara dari segi ekonomi dan pembangunan tidak akan terimbang dengan pembangunan penduduknya jika infrastruktur bagi pembangunan manusia tidak disediakan. Jelas dan nyata pembangunan generasi akan datang anak-anak kita memerlukan infrastruktur pembangunan yang paling asas ialah penjagaan anak-anak dilahirkan hingga ke peringkat tadika. Kita sedar dan faham bahawa 40% atau lebih daripada 45% tenaga kerja negara ini adalah terdiri daripada wanita dan masalah yang dihadapi ialah masalah pembantu rumah. Walaupun ini merupakan suatu yang mungkin dianggap sebagai masalah kecil tetapi seperti yang telah dilaporkan di dalam akhbar, 100,000 permohonan untuk mendapatkan pembantu rumah terkandas.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang biasa/selalu menyuarakan tentang masalah ini kerana jikalau anak-anak ini tidak mempunyai tempat penjagaan yang baik, tidak kiralah sama ada selepas dilahirkan apabila ibunya perlu bekerja hingga ke tadika ataupun bila dia balik ke sekolah, maka tentulah

masalah-masalah sosial yang kita hadapi sekarang ini tidak akan menjadi masalah-masalah.

Saya ingin mencadangkan, walaupun kita tahu kerajaan telah memberikan peruntukan yang sewajarnya untuk menentukan tiap-tiap jabatan kerajaan mempunyai tempat jagaan anak-anak dan juga memberi insentif-insentif kepada pihak swasta untuk mewujudkan tempat jagaan anak-anak tetapi saya ingin mencadangkan bahawa perlu ada satu kajian yang lebih sistematik dan menyeluruh yang merupakan kajian dari jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan bahawa generasi akan datang ini akan dapat diberikan infrastruktur yang sewajarnya untuk menjadikan mereka rakyat yang dapat meneruskan Wawasan 2020 yang telah kita endorsekan dan kita mahu capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu jabatan atau institut ditubuhkan di universiti tentang kajian famili untuk penyelidikan dan kajian dan perancangan yang lebih terperinci dan sistematik kerana apa yang ada sekarang kita cuba mengatasi masalah-masalah secara *ad hoc* dan besar kemungkinan cara-cara *ad hoc* ini tidak akan dapat mengatasi masalah-masalah secara menyeluruh dan secara jangka panjang.

Jadi, lebih wajarlah kita mewujudkan kajian yang lebih terperinci dan sistematik ini untuk kita memastikan bahawa masa depan anak-anak kita ini akan terjamin.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang melebarkan keselesaan hidup di semua lapisan masyarakat desa dan kota ke arah peningkatan kualiti hidup dalam melahirkan suatu masyarakat dalam mengamalkan satu sistem keadilan ekonomi yang sejagat. Sepertimana yang dinyatakan oleh Imam Ahmad bin Hambal di mana beliau memberikan satu definisi yang tepat akan apa yang dimaksudkan dengan keadilan ekonomi. Beliau menyatakan bahawa di dalam sebuah masyarakat yang tersusun, masalah asas ekonomi bukanlah dilihat dari aspek peningkatan pengeluaran negara atau pertambahan pendapatan negara, tetapi ia dilihat dari sudut pelaksanaan satu sistem yang disokong oleh kesedaran moral masyarakat secara bersepadu dan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa yang dibentuk dengan sebegitu rupa untuk memastikan bahawa keperluan asas setiap individu tidak terpinggir dari agenda ekonomi negara. Pastinyalah bahawa mereka yang tinggal di desa tidak dipinggirkan daripada pembangunan ekonomi negara.

Saya sedar bahawa saya juga berterima kasih dan bersyukur bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan memang mengambil kira mereka di desa.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan falsafah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga saya kira memang diutarakan oleh Imam Ahmad bin Hambal tadi, saya kemukakan beberapa cadangan bagi memastikan bahawa keadilan ekonomi yang dicita-citakan itu terlaksana.

Untuk pembangunan fizikal, masyarakat desa akan menikmati kemudahan jalan raya lebih baik. Kini kerajaan telah bersetuju

memperuntukkan sejumlah RM408.3 juta untuk membaiki jalan-jalan kampung yang rosak. Sebagaimana yang kita maklum, sistem perhubungan yang baik amat penting untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk iaitu sebagaimana kita mewujudkan begitu banyak infrastruktur jalan-jalan terutamanya di luar bandar dan juga antara bandar, kilang dan pelabuhan. Dan ianya juga memberi keselesaan kepada anak-anak kita terutamanya di kampung-kampung untuk mereka pergi ke sekolah. Kalau kita sedia maklum, di kampung-kampung jalan-jalannya juga kecil dan tentu sekalilah bas-bas sekolah juga tidak tertarik untuk masuk ke dalam dan anak-anak di kampung kena bangun pukul 6.00 pagi atau lebih awal untuk keluar ke sekolah dan kita selalu bertanya mengapakah anak-anak di kampung kita tidak mempunyai prestasi pendidikan yang setinggi seperti di kota. Kalau dibandingkan di kota, anak saya pergi ke sekolah hanya mengambil masa 10 minit. Kalau budak di kampung, saya tahu, mereka perlu bangun awal. Saya pun dulu masa kecil, bangun subuh, masih gelap lagi tunggu di tepi jalan untuk menaiki bas. Itu pun mungkin tidak terlalu sangat di dalam kampung tetapi dalam kampung inilah masalah-masalah yang kita rasa kepinggiran pendidikan-penduduk desa akan bertambah dan keresahan saya percaya juga akan timbul dan mungkin akan membara. Kita tidak mahu api dalam sekam.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah, saya baru-baru ini mendengar berita dalam radio bahawa TNB memberi kadar potongan kepada bandar-bandar di negara ini yang menyalurkan lampu-lampunya di

pekan-pekan. Kita hendak kita jadi city of the lights, dan sebagainya, dengan izin. Sukalah saya menyarankan kepada TNB, mungkin untuk mempertimbangkan mengurangkan kadar tarif atau kadar yang dikenakan kepada kawasan-kawasan bandar supaya dapat didirikan lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan contohnya, pusat-pusat aktiviti masyarakat seperti pusat mengaji Al-Quran, surau dan sebagainya. Mungkin ada pusat tuisyen dan sebagainya, supaya Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mengurangkan jurang keselesaan antara desa dan kota kerana kalau dia pergi ke kota penuh dengan lampu-lampu, pastinya bila dia balik, saya ingat Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali ada menyebut pergi ke kota melihat kepada pembangunan-pembangunan besar dan bila ia balik ke rumahnya yang robek, saya percaya juga kalau adalah lampu-lampu yang menerangi waktu malam itu akan lebih memberikan mereka merasa gembira.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi elemen penting yang harus diberikan perhatian dalam merealisasikan keadilan ekonomi ialah kesediaan untuk mengubah sikap di kalangan masyarakat kampung. Saya mencadangkan satu kempen besar-besaran diadakan untuk cinta dan bangunkan desa. Saya tahu Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah lama ada polisi atau dasar-dasar untuk membangunkan desa tetapi mungkin telah berhasil dan mungkin juga boleh mempertingkatkan lagi. Jikalau tidak ada kempen ini, kita mintalah semua pihak pegawai daerah, penghulu, ketua kampung dan JKKK harus menyediakan satu pelan pembangunan lima tahun untuk tiap-tiap kampung

mereka dan mungkin mereka perlu mendapatkan inspirasi daripada kejayaan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mahathir Mohamad, bagaimana dia telah dapat membangunkan negara dan perlulah dilihat oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung bagaimana pula ia dapat membangunkan kampungnya.

Kata-kata Al-Maududi amat menarik sekali untuk renungan kita bersama. Menurut Maududi, untuk melaksanakan keadilan ekonomi Islam tidak hanya bersandarkan kepada undang-undang semata-mata tetapi juga kepada ibadah dan pendidikan akhlak untuk mengubah pemikiran. Sekiranya cara ini gagal, maka masyarakat Islam harus kuat untuk memastikan bahawa setiap individu itu tidak melampaui batas yang telah ditetapkan. Seandainya cara ini juga tidak berhasil, Islam menganjurkan penguatkuasaan undang-undang demi memastikan keadilan ditegakkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir pesan, marilah kita ambil iktibar daripada teori Ibnu Khaldun yang mempelopori disiplin sosiologi yang diberi nama Ilmu Al-Amro yang bermaksud sains mengenai umat manusia yang telah diakui oleh pakar sosiologi seperti Patti Palto, J.H. Astraham dan Arnold Toynbee dan lain-lain. Teori beliau sebenarnya telah melahirkan aliran falsafah moden seperti positivisme dan kaedah utama beliau yang perlu dititikberatkan ialah kaedah sosiologi yang dianggap sebagai aspek-aspek teori dan bahan amfisikal, kajian secara pemerhatian dan membuat analisis dan sistematik, perbandingan di antara kaedah yang objektif dan subjektif dan penyelidikan untuk mencari

hukum-hukum sosial atau dengan izin, social laws, berdasarkan kaedah-kaedah di atas.

Kesimpulannya, tiga perkara yang telah saya sebutkan adalah perkara-perkara yang juga telah diutarakan oleh pemikir-pemikir sosiologi yang mana menekankan tentang undang-undang, tentang keadilan dan tentang manusia itu perlu membentuk dirinya ke arah peningkatan. Dan juga kita merasakan bahawa perlulah satu hukum perundangan yang ada dan hukum sosial yang tersusun dan efektif yang menetapkan keadilan ekonomi sebagai teras perlu terus digubal oleh negara agar kemakmuran dan kecemerlangan dinikmati oleh negara pada masa ini dapat dirasai oleh segenap warganegara tidak kira di kota atau di desa dan seterusnya kita dapat membuktikan kehandalan kita mengemudi kuasa dalam pembangunan negara.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

4.58 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kerana memberi peluang. Saya ingat saya sudah tidak dapat hendak berucap. Semalam pun tidak dapat. Penggal yang lepas pun tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji saya tidak akan bercakap panjang seperti sahabat saya yang lepas tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini, inilah ucapan julung kali saya untuk mengucapkan junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong kerana berkenan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara pada 25hb. Ogos, 1995 yang lalu dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana membolehkan saya dilantik.

Saya akan cuba seberapa yang boleh untuk bersama-sama rakan saya menyumbangkan khidmat bakti kepada negara, bangsa, agama di Dewan Negara yang mulia ini.

Saya bersyukur kerana berada di dalam negara yang aman, politiknya stabil, rakyat makmur, kita bebas untuk menyalurkan dan membuat kerja-kerja harian jika tidak menyalah dari segi undang-undang.

Saya berdoa kita akan terus berada dalam keadaan sejahtera dan Allah S.W.T. akan memelihara dan melanjutkan usia pemimpin-pemimpin kita yang jujur dan berdedikasi supaya kita dapat pergi ke era yang lebih cemerlang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Belanjawan ini, saya suka menyentuh satu dua perkara sahaja, sebab saya tahu ada sahabat saya yang belum dapat berucap lagi, oleh itu biarlah saya memberi laluan dan jalan kepada mereka itu selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil pandangan dari Tuan Yang di-Pertua, iaitu kalau kita tengok DR. 29/95, rang undang-undang ini iaitu dipanggil "bil" sebelum menjadi undang-undang adalah dalam bahasa Inggeris dan bukan dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya rasa perkara macam ini tidak patut berlaku lagi, sepatutnya kita mempunyai bil dalam Bahasa Kebangsaan kita, sebabnya telah pun ditetapkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dengan izin, National Language

Act 1963/1967 di Sabah dan di Sarawak tahun 1983. Seksyen 2 ada menyebutkan daripada Act itu, iaitu berkenaan dengan bahasa di Dewan mestilah dalam Bahasa Kebangsaan dan semua bil-bil yang dibawa ke Dewan mestilah dalam Bahasa Kebangsaan serta diakui sah melainkan bil itu sebelum 1hb. September 1967 yang sudah diterjemah boleh digunakan di Dewan apabila disahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang belum diterjemah lagi sebelum 1hb. September 1967, sesudah diterjemah boleh digunakan di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, saya tidak faham mengapa bil ini digunakan dalam Bahasa Inggeris, sebabnya Court of Judicature Act 1964, dengan izin, iaitu Mahkamah Kehakiman 1964, Akta 1961 telah pun ada dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kita ada dua-dua bil ini, kadangkala kadang kita keliru, terjemahannya pun tidaklah begitu tepat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya.

Mengenai Maksud B.52 sebagaimana kita tahu bahawa peruntukan RM1.3 bilion untuk mengurus dan perbelanjaan pembangunan ialah RM1.6 bilion. Yang saya hendak sentuh di sini ialah duit ini terlalu banyak dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Dato' Seri S. Samy Vellu kerana pada 18.12.1995 semasa menjawab soalan lisan telah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa jalan daripada Kuala Lumpur-Karak-Kuantan konsesinya akan dilaksanakan ataupun akan

dibincangkan dan siap dalam masa 6 bulan. Insya-Allah, jalan ini akan siap dalam masa 2½ tahun, tetapi yang saya suka bawa di sini ialah mengikut Kod 01400 Jalan Kuala Kerai-Gua Musang-Kuala Lipis-Raub. Kalau mengikut peruntukan yang diberi, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebab kita tidak ada bersidang dalam Jawatankuasa berkenaan dengan bil atau undang-undang ini di Dewan Negara, oleh itu tidak dapat saya hendak membawa perkara-perkara yang berkaitan dengan kod perbelanjaan yang ada di dalam buku ini. jadi, saya bawalah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Kod 01400, Jalan Kuala Kerai-Gua Musang-Kuala Lipis-Rabu hanya mendapati anggaran 1996 hanyalah RM3,890,000. Kalau kita tengok pula tahun 1991, 1995 anggaran adalah RM40,890,000 tetapi sebenarnya belanja hanyalah RM33,627,000 yang dibelanjakan sahaja. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengapa perkara ini berlaku begitu, tetapi kalau kita pergi dari Kuala Lumpur ke Gua Musang, kita dapati banyak tanah-tanah runtuh, banyak kemalangan berlaku, jalan bengkok, corner-corner begitu banyak, seperti 'ular dipalu'. Sungguhpun duit ada diperuntukkan, tetapi tidak nampak perbezaannya, kalau dibandingkan dengan 10 tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya duit yang ada dapatlah digunakan untuk membaiki jalan ini untuk mengelakkan daripada berlakunya lagi kemalangan dan dapatkah pemandu-pemandu dan orang-orang yang hendak pergi ke Pantai Timur melalui Kuala Lipis berjalan dengan selamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan, saya tidak hendak bercakap panjang, sekianlah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

5.08ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia dan juga Kerajaan Negeri Perak yang dalam sidang Dewannya pada 3hb. November yang lalu dengan tulus ikhlas melantik saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara bagi mewakili negeri Perak ke Dewan Negara yang mulia ini.

Untuk melanjutkan ucapan saya yang ulung ini, sebagaimana rakan-rakan semua mengucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan, yang mengatur perbelanjaan yang amat baik, malahan terbaik daripada yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang kerana saya catitkan pendek sahaja, dalam kita ghairah dan bangga menghadapi ekonomi kita yang mampan, dengan kezahiran kewangan yang begitu banyak dalam negara kita, pada kadar pertumbuhan kadar 8.2% pada tiap-tiap tahun dan terlebih lagi pada tahun ini 9% lebih, tetapi kadangkala kesan sampingan ini wujud dan kita lupa kepada apa yang kita nikmati.

Kesan sampingan ini yang saya maksudkan adalah pembaziran yang kita kurang sedar. Saya bimbang kalau pembaziran ini tidak kita banteras, inflasi

sifar kita tidak mencapai tujuan dan kita tidak akan dapat menepati slogan yang kita katakan inflasi sifar kerana kadangkala kebanyakan rakyat, apabila dia tengok sahaja logo di shopping complex, dengan izin, mereka teringat mereka akan berjimat untuk membeli barang yang ada di dalam kompleks tersebut, akan tetapi di samping yang lainnya berbelanja di sini dengan amat sedikit tetapi berbelanja di tempat lainnya berlebih.

Sebagai contoh, sekarang kita boleh lihat di Pizza Hut dan sebagainya, terpaksa berqueue. Saya pernah ikut anak saya untuk membeli sekeping pizza kena tunggu hampir dua jam. Jadi, kita berjimat di sebelah sini tetapi membazir di sebelah sini. Begitu juga di Kentucky Fried Chicken, saya lihat di Kuala Lumpur ini hendak beli Kentucky Fried Chickenlah, cukup susah. Di Ipoh juga begitu, di Kuantan juga begitu, di Kota Bharu saya tidak tahu, saya jarang pergi. Tidak ada orang Kelantan di sini.

Jadi, kita harus peka, kita harus mengadakan kempen yang lebih banyak lagi. Kementerian harus bertanggungjawab memperkenalkan kempen inflasi sifar ini ke seluruh genap pelusuk, bukan sekadar ke shopping complex sahaja.

Kita juga berbangga dengan ekonomi yang amat cemerlang. Dengan adanya kepercayaan negara-negara luar melabur ke dalam industri yang besar-besar dan setakat ini kita mampu senyum, mampu ketawa kerana ekonomi kita pada tahap yang amat membanggakan. Dengan adanya keamanan yang terjamin dan suasana politik yang stabil walaupun kadangkala antara-antara

parti di dalam Malaysia ini bercanggah pendapat, alhamdulillah kita tidak menular ke satu tahap yang membahayakan negara.

Akan tetapi, di samping ketenteraman yang hening dan yang aman dengan polis yang begitu baik, apa yang kita tahu bahawa pasukan Polis DiRaja kita adalah nombor dua yang terbaik; apabila hari ini ada rompakkan saya rasa empat jam sahaja sudah boleh tangkap, akan tetapi akhir-akhir ini terdapat penurunan disiplin di kalangan pasukan polis. Sebagai contoh, yang baru ini saya rasa terharu terdapat satu insiden yang telah berlaku di Sungai Petani bahawa satu pasukan pencegah maksiat daripada Jabatan Agama Negeri Kedah untuk menyerbu satu rumah yang mana di dalam itu disyaki berkhawat, maka seorang anggota yang berpangkat pegawai telah mengeluarkan senjata api dengan sewenang-wenangnya untuk menembak kepada pegawai yang ditugaskan tetapi malang kena pada orang awam, apa yang dimaklumkan. Bayangkanlah di dalam televisyen, apa yang kita lihat, isteri beliau datang ke hospital dengan roda tiga yang bersorong, amat memilukan perasaan. Apakah ini kerap berlaku di dalam angkatan polis kita?

Saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri supaya mengambil perhatian ini dengan lebih serius agar menggambarkan satu pasukan polis yang pertama di dunia, bukan nombor dua lagi. Saya harap, satu hari besok, mutu pasukan polis kita akan menjadi kenyataan. Kalau tidak par excellence pun, excellence pun cukuplah.

Dan yang kedua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama yang begitu peka terhadap hasil-hasil utama negara bermula daripada minyak, kelapa sawit, getah, kayu kayan. Kita juga telah tahu bahawa cukai levi telah dikenakan terhadap eksport kayu kayan negara kita ke luar negara, akan tetapi terdapat rintihan-rintihan dari pengusaha-pengusaha dan kilang papan, kilang papan lapis dan sebagainya bahawa levy tax ini, dengan izin tidak disetarakan di seluruh negara. Ada negeri-negeri di sebelah timur yang tidak menggunakan cukai levi dan apabila persatuan-persatuan kayu kayan Semenanjung mengutarakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Perusahaan Utama, beliau memberi pengakuan dia akan melihat dan perkara ini akan diselaraskan, tetapi amat malang sehingga ke hari ini tidak ada penyelarasan langsung, maka timbullah masalah bahawa pembeli-pembeli terutama dari negeri Jepun, Belanda, Belgium dan juga England pergi ke negeri Sarawak kerana di negeri Sarawak, minta maaf kalau ada orang Sarawak jangan marah, kerana di sana tidak menggunakan levy tax, hanya menggunakan cukai ses yang mana cukai ses itu agak tinggi daripada Semenanjung tetapi tidak setara dengan cukai levi, maka masalahlah di Semenanjung sekarang bahawa banyak kilang-kilang papan yang hidupnya memang segan mati sahaja hidup tidak mahu dah.

Saya berkesempatan pergi ke pantai timur baru-baru ini, saya nampak banyak kilang juga di pantai timur sudah berhenti. Kalau hendak bilang nanti, saya rasa tidak cukup masa tetapi kalau pergi tengok Guchir Lakloh, Tanah

Merah, saya ingat di Kedah pun ada kilang papan tutup. Jadi, ini harus difikirkan oleh kementerian untuk survival, dengan izin, bahawa pekerja-pekerja ini 90% terdiri daripada bumiputera.

Jadi, saya beralih balik kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan syabas kerana pada tahun ini julung-julung kali bahawa satu tajuk menurap semula jalan luar bandar diutarakan kerana jalan-jalan ini 20 tahun telah dibina masih ada yang tidak diturap semula kerana apabila saya rujuk kepada Yang Amat Berhormat Menteri, dia kata tajuk ini memang tidak ada buat baru boleh hendak turap semula tidak ada. Jadi, dengan adanya peruntukan menurap semula jalan ini, saya rasa, kami selaku menjaga setiap penguatkuasaan amat berbangga dan senang, boleh tidur lena.

Jadi, saya tidak ingin berucap panjang, saya janji pendek, kalau saya berucap panjang nanti saya tidak menunaikan tanggungjawab, jadi sekian ucapan saya. Saya bangun menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

5.18 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam membahas ucapan Belanjawan 1996 yang telah dibentangkan di dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Sekalung budi seuntai kata, sekuntum bunga sekelumit tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Panglima Anwar bin Ibrahim atas Belanjawan yang menyeluruh, mencakup semua perkara, menata semua hal, meringankan masalah rakyat.

Belanjawan kali ini telah membuktikan kepada rakyat jelata bahawa keputusan mereka memilih parti Barisan Nasional menerajui jentera pentadbiran kerajaan adalah tindakan yang tepat, tidak terpesong, melencong, malah amat bijak. Cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Belanjawan bertepatan dengan kehendak dan kepentingan rakyat di samping terus mendorong kita berusaha dengan lebih gigih, tekun di samping mengingatkan supaya rakyat terus berjimat cermat. Dengan penuh keyakinan dan kesungguhan sebagai salah sebuah negara yang makmur, stabil dan aman melangkah ke abad 21 dan kepimpinan kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad terus cemerlang membolehkan rakyat Malaysia hidup aman sejahtera serta harmoni walaupun kita hidup di dalam masyarakat majmuk berbilang agama berbagai kaum, namun kita terus bersatu hati, bersatu padu dan menerap maju ke arah Wawasan Negara yang telah di wacanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Pertumbuhan ekonomi pada kadar purata 8% selama lapan tahun berturut-turut telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang maju menjadi tumpuan negara-negara lain di dunia. Kecemerlangan ekonomi negara makin terserlah hingga tahap pengangguran hanya mencapai 8% yang juga boleh disifatkan sebagai tidak ada pengangguran. Inflasi pula hanya berada di tahap 3.4% dalam jangka masa sembilan bulan pertama tahun ini.

Kemantapan ekonomi negara kita ini merupakan rahmat Allah S.W.T. yang tidak ternilai harganya, dan tanggungjawab kita sebagai warganegara ialah memastikan bahawa kemantapan dan kecemerlangan ekonomi ini akan

berterusan dan mampu mencapai hasrat yang tergambar di dalam Wawasan 2020.

Rekod kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dalam tempoh berdekad-dekad lamanya nampak tidak memberi ruang yang mudah kepada sesiapa pun, waima parti pembangkang untuk mempersoalkan prestasinya. Kejayaan kerajaan itu sendiri tidaklah setakat dinilai dari perspektif kecemerlangannya dalam pembangunan fizikal dan material semata-mata, tetapi juga dari segi kemantapan minda dan tahap komitmen pemimpin serta rakyatnya dalam mengharungi cabaran mendatang.

Kini semakin ramai negara yang telah mengiktiraf dan memperakui kemunculan Malaysia sebagai negara contoh. Mereka begitu kagum sekali dengan pencapaian negara dan ingin mempelajari formula kejayaan kita dalam mewujudkan kecemerlangan dan menyatupadukan rakyatnya yang mempunyai pelbagai latar belakang. Mereka juga pastinya tertarik dan memandangkan tinggi pada corak kepimpinan dan pendekatan yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dari awal tahun hingga ke akhir tahun seluruh pemimpin-pemimpin seantero dunia bertandang ke Malaysia tanpa henti-henti. Ini adalah satu bukti bahawa negara Malaysia telah menjadi negara contoh bagi negara-negara lain di dunia.

Ekonomi negara yang mantap telah mendatangkan manfaat yang banyak kepada rakyat negara ini, terutama masyarakat berpendapatan rendah dan juga masyarakat luar bandar. Belanjawan 1996 telah dibentangkan oleh Timbalan

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membuktikan hakikat ini apabila RM6.11 bilion akan diagih-agihkan untuk mempercepat pembangunan desa dengan bekalan air, elektrik dan projek kecil. Seramai 525,000 atau 37% pembayar cukai pula yang terdiri dari kalangan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana akan dikecualikan dari membayar cukai.

Negeri-negeri yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang rendah juga turut merasai nikmat kemakmuran ekonomi ini. Negara Sabah misalnya, selepas sahaja diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan seperti yang diramalkan oleh 'State Economic Forecasting Group,' iaitu peningkatan ekonomi dari tahap 3.6% pada tahun 1993 kepada 5.6% pada tahun 1994, dan dijangka akan terus meningkat ke tahap 7.8% tahun ini, dan 8.3% pada tahun 1996. Jumlah modal yang dilaburkan di Sabah juga, semenjak Kerajaan Barisan Nasional memerintah telah mengalami peningkatan daripada RM640 juta kepada RM1.71 bilion pada tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa amat terhutang budi kepada pucuk pimpinan, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang bukan sahaja telah menyiapkan wawasan negara, tetapi juga mekanisme dan asas-asas penting untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang dinamik dan menjadi modal kepada negara-negara membangun yang lain.

Hubungan baik dengan negara-negara lain, terutama negara jiran juga telah memberi kesan yang amat baik kepada perkembangan ekonomi negara kita. Kejayaan kawasan pertumbuhan segi tiga Singapura, Johor, Batam misalnya, memberi manfaat yang bukan sedikit. Kerjasama ini kemudian membuahkan pula Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) yang menggabungkan pula Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Kawasan pertumbuhan ekonomi ini yang akan memberi manfaat kepada 30 juta penduduk rantau ini yang merangkumi kawasan seluas 692,000 kilometer persegi negeri Sabah yang terangkum secara langsung di dalam kawasan ini akan turut menikmati pembangunan yang diharapkan.

Masalah kekurangan pekerja dalam industri tempatan juga, Tuan Yang di-Pertua, perlukan jalan penyelesaian yang konkrit kerana pekerja merupakan nadi kepada perkembangan industri-industri tertentu seperti pembinaan, pembalakan, perladangan dan lain-lain lagi. Langkah-langkah segera perlu diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja yang serius di sektor perladangan untuk mempertingkatkan lagi hasil dari sektor ini. Penawaran tenaga kerja yang wujud di negeri-negeri yang masih belum terdapat bilangan industri yang menggalakkan seperti negeri Sabah perlu diambil peluang untuk membantu mengurangkan masalah kekurangan tenaga pekerja yang dihadapi ini. Secara tidak langsung, kadar pengangguran yang wujud di negeri-negeri berkenaan misalnya yang mencatat 7.1% pada tahun 1993 akan dapat dikurangkan.

Tenaga mahir yang ada di negara kita juga perlu ditingkatkan bagi memenuhi hasrat untuk menjadi salah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 nanti. Dengan demikian, pembangunan pendidikan teknikal dan vokasional harus diberi keutamaan di negeri-negeri yang belum atau kurang mempunyai sekolah teknik dan vokasional. Pendidikan bentuk ini perlu diberi perhatian agar seluruh negeri di dalam negara ini sama-sama mengongsi keamanan. Faedah yang besar sekiranya kawasan pertumbuhan ekonomi ini berjaya. Kewujudan Labuan pula sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai (IOFC) akan memberi faedah yang besar kepada perkembangan ekonomi di rantau ini. Dan sehingga kini, Labuan berjaya menarik perhatian 100 buah bank dan 435 buah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan beberapa orang pegawai kerajaan dan orang-orang awam yang terlibat di dalam sindiket pelamsuan kad pengenalan dalam tahun ini adalah sebagai manifestasi yang jelas tentang pendirian kerajaan ke atas isu keselamatan. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat menggerakkan amnesti diadakan selain sekali lagi di negeri Sabah dengan harapan agar semua pendatang tanpa izin di negeri ini, sama ada ianya datang daripada Indonesia atau Filipina dapat didaftarkan bagi tujuan memudahkan kerajaan membuat pengawalan.

Di samping program pemutihan atau regularise, dengan izin, pendatang tanpa izin diharapkan perjanjian di antara kedua-dua kerajaan Filipina dan

Malaysia pada awal tahun 1995 dalam bidang joint border patrol dapat dikawal. Perjanjian ini hendaklah juga rakyat dari kedua-dua negara memiliki dokumen perjalanan di mana jika memasuki sempadan point of entry yang telah dipersetujui bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terlalu banyak yang ingin saya perkatakan tetapi saya tahu ini adalah kali terakhir, jadi saya cuba ringkaskan mana yang boleh saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mempertingkatkan industri insurans di negara kita perlu dipertingkatkan, industri ini mesti kita lihat sebagai tuntutan mandatori seperti insurans rumah, insurans kenderaan dan sebagainya. Di samping itu, ianya juga patut dilihat sebagai satu jenis tabungan pelaburan selain menjadi instrument menghadapi dan mengurus risiko. Untuk itu, kita mengharapkan agar rakyat Malaysia dapat diberi panduan memahami tentang perlunya insurans yang telah disarankan dan dicadangkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan belanjawannya baru-baru ini.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan persidangan wanita di mana Persidangan Wanita Se Dunia ke-4 di Beijing, di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Seri Panglima Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd. Ali atas anugerah Tokoh Wanita kerana sumbangan beliau terhadap meningkatkan taraf hidup dan kesihatan wanita di Malaysia oleh UNIFEM dalam persidangan wanita di Beijing meletakkan status wanita di tahap yang

tinggi. Atas penghormatan kepada tokoh wanita yang ulung daripada negara kita Malaysia yang tercinta.

Saya juga amat bersetuju agar saranan rakan saya Senator Dr. Ng Yen Yen supaya barangan negara Perancis kita pulaukan sebagai tanda bantahan kita kepada negara ini dan antara lain, beliau menyebutkan, supaya barangan tempatan seperti minyak Zaiton daripada digunakan oleh rakyat Malaysia. Saya menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya cuti bersalin kepada suami yang mana isterinya bersalin daripada tiga hari kepada lima hari kerana logiknya isteri yang bersalin dalam tempoh tiga atau lima hari belum begitu bertenaga.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan masyarakat Malaysia merupakan ciri yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik bagi negara-negara luar, masyarakat luar negeri sering tercari-cari formula yang menyebabkan Malaysia terus aman dan harmoni. Salah satu aspek penting yang menyebabkan wujudnya keamanan dan keharmonian negara ini ialah kekayaan negara yang mampu dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama sehingga hari ini semua bangsa mendapat bahagian masing-masing kerana dasar negara yang membuka peluang kepada semua rakyatnya memperbaiki kehidupan masing-masing. Usaha pihak kerajaan untuk mengangkat martabat ekonomi kaum-kaum yang ketinggalan dalam pemilikan modal merupakan usaha murni yang perlu disokong. Tabung Perumahan Kos

Rendah misalnya, yang mendapat peruntukan sebanyak RM2.4 bilion membuktikan bahawa kerajaan sentiasa peka kepada keperluan semua penduduk di negara ini tanpa mengira taraf ekonomi untuk membolehkan mereka sama-sama menikmati pembangunan negara.

Sehingga bulan Julai tahun ini sahaja sebanyak 343,000 rumah kos rendah telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Saya tidak ingin mengulas secara terperinci kerana rakan saya tadi telah memohon supaya kerajaan melaksanakan lebih banyak rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana.

Dalam sektor pelancongan yang juga penyumbang utama kepada ekonomi negara, perlu terus diberi perhatian, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang adalah kena pada masanya kerana ianya akan memberi kemudahan kepada semua pihak terutama para pelabur dan pelancong asing.

Di samping itu, lapangan terbang yang kecil di negeri-negeri yang telah uzur juga perlu dibaiki untuk menaikkan lagi nama negara di mata pelancong. Lapangan terbang di Sabah juga di mana terdapat beberapa lapangan terbang kecil yang telah ditutup, saya mohon mencadangkan supaya pihak kerajaan meneliti dan mengkaji agar ianya dapat diaktifkan semula.

Negeri-negeri yang menjadi tumpuan para pelancong dari luar negara khasnya akan dapat mengukuhkan lagi ekonominya, kewujudan kemudahan pengangkutan awam yang tidak akan membantu meningkatkan jumlah

kemasukan pelancong asing dalam konteks negeri Sabah; jumlah kemasukan pelancong telah bertambah daripada 98,502 orang di tahun 1993 kepada 114,675 orang pada tahun 1994.

Kemajuan sektor pelancong juga telah membawa manfaat kepada negeri-negeri yang kaya dengan sumber alam semula jadi seperti negeri Sabah. Pusat-pusat peranginan tumbuh bagai cendawan selepas hujan yang juga membawa rahmat kepada penduduk tempatan kerana pertumbuhan sektor perhotelan dan pusat-pusat peranginan ini menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada golongan belia apabila ianya beroperasi sepenuhnya.

Saya juga ingin menyarankan kepada kementerian berkenaan agar tempat-tempat seperti Selarom di Pensiangan, Pohon Batu di Suk, Batu Punggor di Pensiangan, Gua Madai di Lahad Datu dan di beberapa tempat lagi di negeri Sabah yang amat menarik agar ianya diambil perhatian untuk dimajukan. Peluang-peluang bagi kita untuk menceburi bidang ekonomi kini semakin terbuka luas, persaingan dalam bidang ekonomi kini tidak mengenal batas geografi. Syarat pokoknya ialah kepekaan kita menghidupkan peluang yang ada dan mendapatkan laba daripadanya, masyarakat peniaga terutama di kalangan bumiputera perlu menjadi usahawan-usahawan yang mempunyai daya saing yang tinggi di pasaran terbuka. Sikap terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan perlu dikikis sekiranya kita ingin menempatkan diri kita seiring dengan usahawan-usahawan bukan bumiputera yang telah lebih dahulu maju daripada kita.

Usahawan-usahawan bumiputera yang telah berjaya mengembangkan empire perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa seharusnya menjadi penggalak kepada kita untuk turut sama menyumbang ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian ekonomi negara ini. Di pihak sektor awam pula, kita sentiasa mengharapkan agar sektor ini mampu mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang lebih memuaskan sepertimana yang dikehendaki oleh masyarakat peniaga terutama para pelabur asing. Masa untuk memproses permohonan oleh para pelabur perlu disingkatkan kerana pada masa ini ada negeri-negeri yang memproses sesuatu permohonan dalam jangka masa yang lama. Ini menyebabkan para pelabur terpaksa mencari peluang-peluang yang ada di negeri-negeri lain, situasi ini akan mendatangkan kerugian kepada negeri-negeri berkenaan.

Usaha untuk memperkenalkan piagam pelanggan yang diperkenalkan dalam perkhidmatan awam negara ini amat bersesuaian dengan masanya, namun demikian, pelaksanaannya juga perlu diperhatikan kerana slogan dan kata-kata sahaja tidak akan mendatangkan makna tanpa tindakan dan sikap proaktif kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan positif ekonomi negara perlu dipelihara oleh semua rakyat negara ini, kepimpinan yang sedia ada yang telah merintis jalan ke arah kemampanan ekonomi kini perlu kita beri sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Kerajaan telah membuktikan bahawa kemakmuran ekonomi negara ini adalah milik semua rakyat negeri ini dan bukan hanya didominasi oleh sesetengah bangsa atau kaum. Barisan Nasional memang terbukti berjaya membawa rahmat besar kepada bumi Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang singkat ini pelbagai perubahan positif telah mengambil tempat. Wajah Sabah yang muram dari segi pembangunan ekonominya pada suatu ketika dahulu kini telah bertukar wajah menjadi satu tempat yang boleh membawa pelbagai harapan baru kepada penghuninya. Ekonomi negeri ini juga mula terserlah dan bermaya dengan pertumbuhan tahunan dijangkakan akan menjangkau angka 7.8% pada tahun ini. Malah pelbagai projek pembangunan sedang giat mengambil tempat dan rentak pembangunan negeri dijangkakan akan bertambah rancak lagi apabila projek-projek pembangunan infrastruktur yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dengan membawa keadilan yang jitu, bukan hanya retorik semata-mata, kerajaan Barisan Nasional membuat pendekatan fungsional, pragmatik dan dinamik berdasarkan persamaan dan bukannya perbezaan. Sesuatu yang baik tidak akan berubah nilainya walau siapapun yang memula ataupun menyiapkannya.

Pada masa yang sama jumlah pelabur yang diluluskan juga meningkat dengan besarnya iaitu daripada RM640 juta pada tahun 1993 kepada RM1.71 bilion pada tahun 1994 dan untuk 9 bulan pertama tahun ini MITI telah meluluskan sebanyak 46 projek yang melibatkan pelaburan berjumlah RM1.7

bilion. Angka-angka ini dengan sendirinya menunjukkan Sabah berkeupayaan untuk bergerak maju ke depan dengan lebih pantas dalam usahanya untuk menyertai arus pembangunan perdana.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini adalah hasil daripada usaha gigih dan kepimpinan yang bersinergi di samping adanya satu wawasan yang jelas dan teratur membangun negeri Sabah menjadi negeri perindustrian yang maju, kompetitif dan berteraskan ilmu pengetahuan dan teknologi sepertimana terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Negeri Sabah (RRJPS) 1995 hingga ke tahun 2010. Penyediaan RRJPS yang merupakan buah fikiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Salleh Tun Said mencerminkan adanya perancangan yang lebih teratur dan inovatif dalam pengurusan ekonomi negeri.

Konsep penswastaaan yang dimajukan oleh pihak kerajaan juga boleh membantu di dalam melipatgandakan pencapaian ekonomi negeri ini. Matlamat yang ingin dikecapi oleh RRJPS memang ketara dan saya amat yakin sasaran pertumbuhan purata sebanyak 8% dalam tempoh 1995 hingga 2010 adalah boleh direalisasikan. Pada masa yang sama taraf hidup rakyat di Sabah di dapati meningkat dan sebaliknya kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 33.2% pada tahun 1993 kepada 28.5% pada tahun ini. Pencapaian ini pastinya akan memberi keyakinan baru kepada rakyat Sabah terhadap keupayaan Barisan Nasional secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat yang sedang dinikmati oleh Sabah sememangnya telah dinanti-nantikan oleh rakyat Sabah selama ini, malahan kejayaan ini sekali gus menangkis cemuhan-cemuhan negatif yang selalu diheboh-hebohkan oleh pihak pembangkang. Antara slogan yang sering dilaung-laungkan ialah Barisan Nasional gagal membawa sebarang pembangunan. Barisan Nasional sebagai pembohong dan Barisan Nasional - macam-macam lagi, namun apa yang nyata ialah kata-kata provokatif sedemikian hanyalah untuk meludah ke langit semata-mata.

Walaupun banyak kejayaan yang telah kita kecap, namun kita mestilah sentiasa peka terhadap aspirasi rakyat, pengagihan kekayaan ekonomi negara secara adil umumnya dan usaha untuk mengangkat martabat ekonomi negeri Sabah amatlah perlu memandangkan Sabah kini merupakan antara negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi di Malaysia. Kadar kemiskinan di tahap 33.2% adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan 10.5% di Semenanjung Malaysia dan 19.5% di Sarawak dalam tahun 1993. Kadar pengangguran di Sabah pada tahun yang sama adalah 7.1% sedangkan pengangguran di peringkat nasional hanyalah pada tahap 3% sahaja. Walaupun tahap masalah-masalah ini sudah mula menampakkan pengurangan, namun ianya masih merupakan satu cabaran yang memerlukan satu sumbangan tenaga dan buah fikiran kita agar masa depan rakyat yang perlukan pembelaan di seluruh negara terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Datuk Wira Mohd. Ali kerana pagi ini kita telah melawat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan sepanjang perjalanan saya, saya terlihat semasa kita bertolak dari sini lebih kurang pukul 9.40 pagi dengan bas dan kita sampai tepat pukul 10.10 - bermakna lebih kurang setengah jam. Jadi, alangkah baiknya sekiranya Jabatan Bomba yang menyelamatkan beratus jiwa manusia, berjuta-juta harta yang kita tidak sangka-sangka akan hancur binasa dimakan api, apa kata kalau boleh saya mencadangkan agar satu 'outriders' sendiri di mana 'outriders' ini khusus untuk bomba apabila berlaku sahaja kebakaran ianya hendaklah 'escort' kereta bomba ini. Saya percaya ini akan menyelamatkan harta orang-orang awam dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama membincangkan mengenai jumlah peruntukan pembangunan yang tidak dibelanjakan. Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun awam serta aktiviti kementerian/jabatan dan agensi kerajaan persekutuan dalam muka surat 113. Saya kurang arif, tetapi kalau melihat di sini, pada tahun 1994 sejumlah RM1.319 bilion baki peruntukan yang tidak dibelanjakan. Untuk itu saya ingin mencadangkan pada masa-masa akan datang agar kementerian-kementerian yang tidak membelanjakan wang itu dapat merancang agar wang itu dibelanjakan. Sebagai contoh, Kementerian Kerja Raya - RM404.84 juta yang tidak digunakan. Wang sejumlah ini saya percaya, jalan-jalan raya kita di seluruh Malaysia terutama Sabah dan Sarawak masih di tahap yang kurang memuaskan. Alangkah

moleknya sekiranya wang sejumlah ini dapat dipergunakan untuk memperbaiki atau menaik taraf jalan-jalan raya di seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Kemudian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi - baki peruntukan yang tidak dibelanjakan RM88.17 juta, juga terlalu banyak. Saya mohon bertanya dan mohon jawapan kenapa wang seumpama ini tidak dipergunakan walhal tanah-tanah Felda, tanah-tanah yang masih lagi terbiar di pedalaman, saya percaya di Sarawak dan di seluruh negara juga, sepatutnya wang seumpama ini dipergunakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - saya ingat ini tidak perlu diulas, cuma RM65.05 juta - banyak juga ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ha....ini dia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di Sabah sebelum kita memerintah, kita telah melantik JPPK (Jawatankuasa Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah) di mana kita telah melantik ketua-ketua atau pengerusi-pengerusi dengan elaun sebanyak RM100 seorang. Apabila kerajaan Barisan Nasional mengambil alih kerajaan daripada PBS, ianya telah dimansuhkan secara automatik. Malangnya, mereka yang telah terlantik ini hanya menerima lebih kurang empat bulan elaun RM100. Selepas itu, lebih kurang 9 bulan, sehingga sekarang tidak dibayar. Ini seluruh Sabah. Saya rasa wang yang berjumlah RM54.55 juta ini, saya ingat boleh kita ambil untuk membayar ini.

Kemudian, PPRT juga. Semasa pilihan raya lalu, apabila kerajaan Barisan Nasional berhadapan dengan kerajaan lalu iaitu PBS, PPRT (Pembangunan Projek Rumah Termiskin) yang telah disebut oleh rakan saya, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, di Sabah kita diperuntukkan RM3,750 untuk sebuah rumah kecil dan di situ juga, di seluruh Sabah kita telah membina rumah pada awal tahun 1994, yang berjumlah tidak kurang daripada belanjanya hampir mencapai RM2 juta.

Sehingga hari ini, rumah ini telah didiami, rumah ini telah diduduki dan bayarannya belum dibayar sehingga hari ini. Sebagai contoh, kawasan saya di Parlimen P.157 - Keningau. Kita telah membina 300 buah rumah dengan kos RM3,750 sebuah kali 300, berapa jumlahnya? Wang ini bukan sedikit dan saya percaya boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, juga RM5.52 juta baki peruntukan yang tidak dibelanjakan. Kalau tidak silap saya, RTM di seluruh negara terutama di Sabah, alat-alatnya termasuk kameranya, termasuk apa juga peralatannya sudah begitu usang. Kenapa tidak dipergunakan wang yang sejumlah ini? Saya mohon penjelasan.

Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan ada lagi RM4.49 juta. Ini juga saya rasa amatlah wajar, amat elok sekiranya saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dilaksanakan di mana asrama-asrama desa perlu dibuat. Di tempat saya yang bernama Saliliran, lebih kurang 300 kilometer dari Keningau, lebih kurang 500 kilometer daripada Kota Kinabalu.

Sekolah ada, bangunan ada, meja tidak ada, bangku tidak ada, bagaimana anak-anak hendak menulis, membaca dan bagaimana guru untuk mengajar murid-murid yang seumpama ini. Peruntukan seumpama ini boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang sebab saya percaya kalau saya berkata-kata, masih banyak lagi yang perlu diperkatakan. Jadi, untuk itu sebelum saya mengakhiri ucapan saya dalam menyokong Belanjawan ini, akhir sekali saya ingin menyimpulkan apa yang telah saya ungkapkan dengan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk merenung kembali secebis kisah dari peristiwa Lokman, anaknya dan seekor keldai.

Kisahnyanya bermula dengan Lokman menaiki keldai dan anaknya mengheret keldai tersebut. Apabila sampai di sebuah penempatan, Lokman telah ditegur sebagai tidak bertanggungjawab terhadap kebajikan anaknya atau dalam istilah sekarang, lebih kurang mendera anak. Mengambil reaksi beliau berpindah dengan anaknya pula mengambil tempatnya menunggang keldai tersebut dan giliran Lokman pula mengheret keldai itu. Apabila lalu di sebuah kampung yang lain, anak beliau telah ditegur sebagai tidak prihatin kepada kebajikan bapanya yang telah tua.

Mengambil reaksi kepada teguran ini, kedua-dua anak dan bapa telah bersama-sama menunggang keldai itu. Apabila mereka lalu di perkampungan yang lain, mereka telah dituduh oleh masyarakat kampung tersebut sebagai mendera haiwan. Sebagai reaksi kepada teguran ini, kedua-dua bapa dan anak

turun dan berjalan beriringan dengan keldai peliharaan mereka. Sekali lagi apabila ketiga-tiganya lalu di penempatan yang lain, penduduk di tempat itu telah menegur Lokman dan mengatakan betapa bodohnya mereka tidak menggunakan keldai itu sebagai kenderaan mereka untuk mempercepatkan dan keselesaan perjalanan.

Bosan dengan kritikan dan tohmahan yang diterima sepanjang perjalanan mereka itu dan kehabisan opsyen, tindakan yang mungkin diambil, kedua-duanya mengambil keputusan untuk menggalas atau memikul keldai peliharaan mereka dan lalu di sebuah kampung yang lain. Kali ini, mereka dihina lagi oleh penduduk kampung tersebut sebagai manusia yang tidak bertamadun dan berpendidikan kerana menggalas atau memikul keldai yang seharusnya dijadikan kenderaan.

Pengajaran yang dapat kita perolehi daripada cebisan kisah ini ialah apa pun yang kita lakukan, yang biasanya kita fikirkan baik tentu ada sahaja orang yang tidak senang dan mempertikaikannya bergantung kepada perspektif dan world view masing-masing yang kemudiannya membentuk mind set mereka. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tidak tergolong dalam kategori manusia seumpama ini demi memastikan Malaysia terus gemilang dan cemerlang.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Rahim Baba.

5.58 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang dan juga kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan dan juga seterusnya menyokong Belanjawan bagi tahun 1996 sepertimana yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dan juga Menteri Kewangan dan juga seterusnya dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada beberapa hari yang lalu di mana dalam Belanjawan untuk 1996, adalah dijangkakan pihak kerajaan akan membelanjakan RM55.46 bilion untuk tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kali ini mempunyai dua tujuan. Yang pertamanya ialah kerana saya lihat hari ini ramai kawan-kawan kita telah pun berucap di Dewan yang mulia ini dan kebanyakannya adalah merupakan ucapan sulung mereka dan juga mereka berucap dengan satu harapan, apa-apa perkara yang telah pun diluahkan tadi akan mendapat jawapan yang memuaskan kepada persoalan-persoalan yang telah pun ditimbulkan.

Saya faham setelah hampir empat tahun di Dewan ini, kalau ada ucapan-ucapan yang dibuat dan selepas itu penggulungan, jawapan-jawapan terpaksa diberi pada masa yang sama, jawapan-jawapan itu kurang memuaskan.

Jadi, untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada Setiausaha-setiausaha Parlimen, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Menteri-menteri membuat persediaan untuk menjawab soalan-soalan ini pada minggu hadapan iaitu selepas kita bercuti untuk dua, tiga hari dan mereka ini boleh membuat persiapan yang lebih teliti dan juga lebih teratur dan saya percaya ianya akan memuaskan hati kesemua yang telah pun ditimbulkan oleh rakan-rakan saya. Semuanya mengganggu nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang telah pun dibentangkan sebanyak RM55.46 bilion akan dibelanjakan oleh kerajaan di mana 38% daripada pendapatan kerajaan adalah merupakan pendapatan daripada cukai

pendapatan. Dan daripada jumlah ini, 24.9% adalah digunakan untuk pembayaran emolumen kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Baru-baru ini, kita telah pun terbaca di dalam akhbar di mana kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji, satu kenyataan yang sungguh berani dan satu kenyataan yang sungguh ikhlas yang telah pun dikeluarkan oleh seorang ketua di dalam jabatan kerajaan kita di mana mungkin tidak ramai yang telah pun terbaca mengenai dengan kenyataan ini di mana mengikut kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji, terlalu banyak pembaziran wang, masa dan juga tenaga yang telah pun dilakukan oleh jabatan kerajaan di mana dianggarkan 20% hingga 45% dari jumlah belanjawan sesuatu jabatan. Ini bukan kenyataan saya, bukan kenyataan Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Ahli-ahli di Dewan Parlimen, tetapi ini adalah kenyataan daripada Ketua Setiausaha Negara sendiri di mana 20% hingga 45% pembaziran belanjawan yang telah pun dilakukan oleh sesuatu jabatan kerajaan.

Mengikut laporan ini lagi, 65% daripada masa-masa yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai kerajaan digunakan untuk kerja-kerja yang tidak perlu. Jadi, dalam konteks ini, saya sangat-sangat berharap supaya satu kajian yang lebih mendalam akan dapat dibuat oleh jabatan kerajaan, oleh MAMPU khususnya tentang pembaziran yang telahpun dilakukan dan juga tentang kegunaan masa seperti mana yang telah pun dinyatakan oleh Ketua Setiausaha

Negara di mana 65% daripada masa kerja adalah digunakan untuk kerja-kerja yang tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan juga Menteri-menteri yang nampaknya sungguh ramai datang mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ini berbeza pada suatu ketika dahulu, sampaikan Yang Berhormat Dato' Zuki pun bangun mengatakan kenapa usul daripada kerajaan, Backbencher pula yang kena beri sokongan. Kalau tidak salah saya, Tuan Haji Ghazali yang membuat sokongan pada suatu ketika.

Pada suatu ketika kita menunggu di sini, tetapi pihak pentadbir kerajaan hanya tinggal seorang sahaja, selepas itu tidak ada orang yang menyokong. Itu pun nasib baiklah kita bangun untuk menyokong, kalau tidak, usul itu tidak akan diluluskan. Kalau saya sedar implikasinya pada hari itu, kemungkinan saya akan minta supaya tidak seorang pun akan bangun supaya ini merupakan satu pengajaran kerana kita tahu, kita ada 24 orang Menteri, 20 orang Timbalan Menteri dan juga beberapa orang Setiausaha Parlimen lagi. Saya berharap ianya akan dapat disusun supaya sesuatu urusan kerajaan itu biarlah sampai lengkap, barulah mereka itu meninggalkan Dewan ini. Kalau kita boleh tunggu sampai jam 6.30, mengapakah Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri ataupun Menteri-menteri kita tidak boleh menunggunya sampai ke saat akhir

bersama-sama kita kerana ini adalah satu perkara yang sungguh serius, sesuatu yang melibatkan pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai perumahan rakyat. Telah ramai daripada kita bercakap mengenai kekurangan rumah untuk rakyat. Ada yang mengatakan terlalu kurang rumah murah, tetapi pada saya bukannya masalah rumah murah. Tetapi yang menjadi masalah ialah masalah kekurangan rumah yang termampu oleh rakyat. Bukannya kita kekurangan rumah murah, tetapi apa yang berlaku ialah kekurangan rumah-rumah yang termampu oleh rakyat.

Kerajaan telah pun memberikan peruntukan yang sebegitu banyak. Setiap kali pembentangan belanjawan, tahun lalu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memperuntukkan hampir RM2 bilion untuk perumahan rakyat. Tahun ini ditambah lagi RM1 bilion. Baru-baru ini, seperti mana yang telah pun saya katakan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan telah pun memberi amaran kepada pemaju-pemaju yang tidak menunaikan tanggungjawab untuk mendirikan rumah-rumah yang termampu oleh rakyat ini akan dblacklist. Hari ini pun, kita terbaca kenyataan yang sama.

Saya berharap pada tahun hadapan kenyataan ini tidak akan ada lagi. Pihak swasta yang saya pelik, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab, setakat ini pihak swasta telah pun mencapai 86% ataupun 87% daripada apa yang telah ditargetkan. Jadi,

siapakah yang sebenarnya yang tidak mencapai matlamat ini? Kemungkinan badan-badan kerajaan dan badan-badan separuh kerajaan yang telah pun diamanahkan untuk bertanggungjawab ke atas rumah murah ataupun rumah yang termampu oleh rakyat ini yang tidak melaksanakan tugas ataupun tanggungjawab.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah pun mendengar salah seorang daripada sahabat saya menimbulkan soal peruntukan rumah-rumah murah. Kita tahu bahawa dari segi dasarnya kerajaan selalu mensyaratkan supaya dalam sesuatu projek itu, sekurang-kurangnya 30% hendaklah didirikan rumah-rumah murah. Saya harap satu pengubahsuaian dapat dibuat pada dasarnya. Apakah tanggungjawab developer ataupun pemaju yang mendirikan rumah, di Bukit Kiara, umpamanya mendirikan kondominium dengan harga setengah juta ringgit atau satu juta ringgit dan mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Adakah mereka ini tidak mempunyai tanggungjawab sosial untuk mendirikan rumah murah?

Memang susah pihak kerajaan untuk mensyaratkan pemaju ini daripada mendirikan rumah murah kerana tidak ada tempat. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya pemaju-pemaju yang sedemikian dikenakan satu levi ataupun satu tax, setiap unit kondominium yang didirikan, mereka ini dikenakan umpamanya memberi sumbangan kepada tabung perumahan rakyat sebanyak RM10,000 atau RM20,000 ataupun satu angka yang sesuai supaya soal perumahan yang termampu oleh rakyat ataupun rumah murah ini jangan hanya tertumpu kepada sesuatu developer sahaja ataupun satu pemaju yang mendirikan satu kawasan yang luas, pada hal, yang lebih mendapat keuntungan ialah pemaju yang mendirikan rumah di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur ini mendirikan rumah yang tanahnya kurang

daripada satu ekar, jadi mereka ini terlepas daripada beban ataupun tanggungjawab mendirikan rumah-rumah murah untuk kepentingan rakyat.

Jadi, saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memikirkan satu mekanisme ataupun satu cara di mana pemaju-pemaju ini juga, pemaju-pemaju yang mendirikan kondominium dan mendirikan rumah-rumah yang mahal, yang kita tahu keuntungannya berlipat ganda daripada mereka yang mendirikan rumah murah, mereka ini juga sepatutnya memberikan sumbangan dan dikenakan cukai ataupun levi atau sebagainya, apa istilah yang sepatutnya digunakan dengan angka yang sesuai supaya kesemua pemaju-pemaju ini mempunyai tanggungjawab sosial untuk mendirikan rumah murah untuk rakyat. Tidak hanya tertumpu kepada pemaju yang mempunyai tanah dan yang mempunyai kawasan yang tertentu atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kadar kemalangan di negara kita adalah merupakan kadar yang tertinggi di dunia ini. Boleh dikatakan setiap hari, sekurang-kurangnya 10 kematian berlaku di negara kita ini. Ini suatu angka yang sungguh menakutkan dan juga menakutkan.

Kalau di dalam angkatan tentera, saya difahamkan, lebih ramai anggota tentera kita mati kerana accident daripada mati kerana berperang. Kadangkala tentera itu, maklum sahajalah, hendak kena punch-in, hendak sampai dan report pukul 8.00, dia mesti sampai sebelum pukul 8.00 pagi, dia tidak boleh terlambat sedikit pun. Jadi, dia kena bawa motosikal dengan laju dan sebagainya, jadi banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan beberapa cadangan untuk mengurangkan serba sedikit kadar kemalangan di negara kita. Saya dapati lori-lori yang menggunakan jalan raya kita khasnya di waktu malam, di belakang lori itu tidak cukup lampu yang dipasang. Jadi, kadang-kadang bila kita hendak

memotong pun kita tidak tahu sama ada ianya lori ataupun tidak, sudahlah lampunya seperti lampu yang ada sekarang. Saya ingin mencadangkan supaya diwajibkan supaya di semua belakang lori itu, di semua conner itu dipasangkan lampu supaya pengguna-pengguna jalan raya yang lain dapat melihat dan setiap satu meter di badan lori itu hendaklah diwajibkan dipasang lampu supaya pengguna-pengguna lain tahu. Kadang-kadang bila kita hendak memotong kita tidak tahu berapa panjangnya lori itu. Kita hendak potong, rupa-rupanya ada lagi lori itu, panjang lagi lori itu. Jadi, kita harapkan supaya pihak Kementerian Pengangkutan akan menggubalkan undang-undang dan mengenakan syarat-syarat supaya lori-lori ini dipasangkan dengan lampu supaya ianya boleh memudahkan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang betul lori itu! Macam kereta api bunyinya.

Tuan Rahim bin Baba: Sekarang ini memang betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal panjang-panjang sampai tidak ada kehabisan.

Tuan Rahim bin Baba: Dahulu pendek-pendek, sekarang ini

Tuan Yang di-Pertua ini lain pula maksudnya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Maksud saya secara betul. Kalau Tuan Rahim kata lain daripada yang itu, saya tak faham. *[Ketawa]*

Tuan Rahim bin Baba: Saya pun tidak maksudkan apa-apa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua maksudkan yang lain itu, saya pun tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain itu, saya tidak ada pengalamanlah. Teruskan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah sebelum kita mendapat lesen memandu biasanya kita ada ujian 'Memandu Berhemat'. Kadang-kadang lima atau enam jam pemandu-pemandu kena attend kelas untuk mendapatkan lesen L. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mereka yang dalam kurikulum mereka menghadiri kelas-kelas yang diadakan itu, mereka juga diwajibkan pergi melawat ke hospital-hospital melihat mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya, supaya timbul satu keinsafan, satu kesedaran. Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho dia gelak itu maknanya dia setuju. Saya tahu dia, saya kenal dia. Dia ini sahabat baik saya.

Jadi, mereka itu disyaratkan pergi melawat hospital supaya tengok akibat daripada kemalangan supaya timbul satu kesedaran kepada pemandu-pemandu ini betapa siksanya melihat keadaan kemalangan. Ada yang kaki mereka kena tambat ke atas, mengerang kesakitan. Jadi, dia tahu inilah akibatnya kalau tidak berhati-hati di jalan raya. Jangan dengan semudah-mudah kita memberikan lesen kepada mereka ini semua. Biar mereka lihat sendiri keadaan-keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim, boleh saya nyatakan sedikit. Menurut jadual ini, pihak menteri akan memberi jawapan pada hari ini juga.

Jadi, walau bagaimanapun kita akan memberi pihak menteri atau pihak kementerian menjawab walaupun sepuluh minit. Jadi, Tuan Rahim boleh berbahas sehingga pukul 6.20 petang iaitu kira-kira enam minit lagi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Itulah apabila sudah masuk “gear” apabila ditarik balik, susahlah hendak sambung balik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah semasa Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan menjawab mengenai soalan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terdapat lebih daripada RM30 juta wang yang tidak dituntut oleh mereka yang berhak. Mengikut jawapan daripada Setiausaha Parlimen kerana tidak ada butir-butir yang lengkap. Saya ingin mencadangkan kepada pihak KWSP (EPF) supaya dari semasa ke semasa mempamer ataupun mengiklankan nama-nama ini di akhbar-akbar supaya waris ataupun next-of-kin ataupun mereka yang berhak menuntut kerana EPF ini pun ada penama. Mereka yang berhak menuntut wang ini supaya tampil ke hadapan, dikeluarkan dalam iklan setahun dua kali ataupun tiga kali supaya mereka ini sedar kerana kadangkala kemungkinan kita tidak sedar bahawa mungkin isteri tidak tahu bahawa suami ada masuk EPF atau KWSP pada satu ketika, ataupun saudara mara ada masuk dalam EPF dan mereka itu menjadi penamanya.

Jadi, apalah salahnya pihak KWSP dari semasa ke semasa memikirkan cara supaya duit ini dituntut, walaupun jumlahnya tidak banyak, lebih daripada RM30 juta tetapi saya percaya kebanyakan wang ini adalah milik mereka yang

kurang berpendidikan, kurang berpelajaran, khasnya mereka yang tinggal di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya harap pihak kementerian ini dapat menyasat perkara ini iaitu adanya syarikat-syarikat yang menjual perabot-perabot. Katalah harga tunai RM1,000 tetapi harga secara installment ditaruhnya RM30 x 60 bulan ataupun sebagainya. Saya pun pergi ke Court Mammoth, saya calculate berapa interest yang dicaj. Saya kira interest yang dicaj lebih daripada 60%. Yang membeli secara installment ini pun orang miskin, orang kampung, kita ini mungkin mampu untuk membeli cara cash, tetapi yang membeli cara installment kena bayar interest sampai 60% - 65%. Ini satu keadaan yang tidak adil. Saya pun tidak tahu di atas "law" mana mereka ini boleh, kerana kalau hendak dikira dari segi banking dia tidak ada lesen untuk memberi pinjaman, kalau hendak dikira sewa-beli pun tidak boleh lebih daripada 10% tetapi interest yang dicaj lebih daripada 60%. Walaupun perkara ini kecil tetapi kadangkala sebagai orang yang bertanggungjawab, saya pun berkira juga, membuat perkiraan dan saya berharap pihak Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna khasnya Setiausaha Parlimen yang rajin melawat ke pasar, kedai emas dan lain-lainnya dapat menyasat perkara ini. Besok kalau tidak percaya, pergi ke Court Mammoth dan buat calculation sendiri. Saya sudah buat calculation dan saya terperanjat apabila melihat ada

orang kampung dan pekerja-pekerja kilang yang sanggup membayar sampai 60% interest yang dikenakan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sungguh-sungguh menghormati Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidaklah ingin berucap panjang tetapi saya mengharapkan jawapan yang diberikan oleh rakan-rakan Setiausaha Parlimen ataupun Timbalan Menteri akan dipanjangkan sehingga minggu depan supaya mereka itu boleh buat preparation ataupun homework untuk memberikan kepuasan kepada rakan-rakan Setiausaha Parlimen yang lain. Kalau tidak nanti, seperti apa yang saya katakan tadi, jawapan apa yang terfikir oleh pegawai sahaja. Dia pun tidak sempat untuk pergi ke pejabat, lainlah kalau kita ada pakai Internet, boleh pakai komputer di sini boleh disambungkan dan dapat jawapannya. Jadi, saya tengok, saya lihat dan saya tahu setengah-setengah jawapannya main ingat apa yang teringat di kepala sahaja. Saya tidak mahu ini. Ahli-ahli Dewan Negara ini sudah buat homework, sudah baca semua laporan yang tebal itu, jadi, apabila dapat jawapan apa yang teringat di kepala. Jadi, ini tidaklah memuaskan..

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pandangan kepada apa yang Tuan Rahim sebutkan sebentar tadi, saya dapati ada beberapa kementerian telah menyatakan tidak menjawab dalam erti kata tidak ada yang hendak dijawab kerana kononnya Ahli-ahli Yang Berhormat

tidak menimbulkan persoalan berkaitan kementerian berkenaan. Tetapi sebenarnya apabila kita kenangkan, dengar balik ada beberapa perkara yang ditimbulkan berkenaan dengan kementerian tertentu, umpamanya, Tuan Rahim sendiri baru sekejap tadi menimbulkan soal perumahan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kata, tidak ada hendak menjawab dan saya ingat tadi pun Dato' Zuki timbulkan tentang lebuhraya dan Kementerian Kerja Raya pun kata tidak ada untuk dijawab. Jadi, saya rasa kalau bolehlah kedudukan pada hari ini boleh berubah pada 26hb. nanti apabila jawapan daripada kementerian dan menteri kita sambungkan pada 26hb. Kita haraplah pegawai-pegawai yang berkenaan memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi.

Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

6.20 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1996.

Dalam tempoh perbahasan selama 4 hari, 4 orang Ahli Yang Berhormat, bukan 4, sudah 7 orang Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan, cadangan dan juga teguran terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas dan bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri adalah terlalu luas. Namun begitu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan serta jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali menyarankan supaya kerajaan meneruskan program kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bagi negeri Kelantan. Beliau mencadangkan supaya pemilihan guru Kafa perlu dibuat dengan teliti dan gerak geri mereka pula diawasi supaya tidak menjadi alat kepada parti pembangkang.

Selain daripada itu, beliau mencadangkan supaya peruntukan program ini ditambah dan jika boleh Kementerian Pendidikan menyerap guru-guru Kafa agar mereka diletakkan di bawah sekim perkhidmatan yang lebih baik. Saya ingin menjelaskan bahawa program Kafa telah dilancarkan mulai tahun 1990 telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Kerajaan akan terus melaksanakan kelas-kelas Kafa ini kerana ianya telah terbukti dapat meningkatkan penguasaan pembacaan Al-Quran dan pengetahuan fardu ain di kalangan anak-anak Islam. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 1995 terdapat sebanyak 29,358 kelas dengan jumlah murid seramai 859,871 orang.

Berhubung dengan pemilihan guru-guru Kafa di negeri Kelantan, sukacita dinyatakan bahawa terdapat satu jawatankuasa khas pemilihan yang telah ditubuhkan untuk menjalankan urusan temuduga dan pemilihan tersebut.

Hanya mereka yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri akan ditawarkan jawatan guru Kafa. Mereka yang dilantik tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan.

Dari segi peruntukan pula, adalah dimaklumkan bahawa ianya telah meningkat dari setahun ke setahun di mana pada tahun 1995 jumlah peruntukan telah meningkat sehingga RM113 juta. Jumlah ini dijangka akan bertambah pada tahun-tahun akan datang memandangkan bilangan murid yang dijangka memasuki kelas Kafa bertambah dengan banyaknya.

Mengenai cadangan supaya guru-guru Kafa diserapkan oleh Kementerian Pendidikan, saya ingin menjelaskan bahawa dasar program Kelas Kafa dahulu hanya merupakan sebagai penambahan dan pengukuhan kepada sistem pendidikan yang sedia ada. Semua guru dilantik secara sambilan dengan hanya dibayar elaun sahaja. Setakat ini dasar tersebut akan terus dikekalkan. Sebarang keputusan untuk menyerap guru-guru ini ke jawatan tetap di Kementerian Pendidikan memerlukan satu perubahan dasar penubuhan Kafa itu sendiri. Dengan kedudukan dasar yang sedia ada, sistem yang diamalkan sekarang akan diteruskan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga merayu kepada kerajaan supaya membina sebuah lagi jambatan yang merentangi Sungai Kelantan yang menghubungkan Kota Bharu, oleh kerana Jambatan Sultan Yahya Petra yang dibina sejak lama dahulu mengalami kerosakan yang teruk

sementara jambatan baharu yang menghubungkan Pasir Mas dengan Salor pula tidak dapat menampung kenderaan yang bertambah. Beliau menyarankan supaya jambatan yang baru ini dibina di antara Tadong menghubungi Wakaf Che Yeh.

Saya ingin memaklumkan bahawa keperluan jambatan baru menghubungkan Kota Bharu dengan seberang Sungai Kelantan sememangnya telah dikenal pasti dan telah pun dimasukkan di dalam senarai cadangan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk pertimbangan kerajaan. Anggaran kos untuk sebuah jambatan empat lorong dengan 900 meter panjang adalah sebanyak RM56.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga seterusnya ada membangkitkan supaya dalam proses pembangunan Putrajaya kelak hendaklah diberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kecil khususnya bumiputera untuk sama-sama menjayakan kerja pembangunan sama ada dalam projek perumahan, pejabat dan sebagainya. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali ada?

Saya ingin menjelaskan bahawa projek pembangunan pusat pentadbiran Putrajaya ini akan dilaksanakan dan dibiayai oleh sebuah konsortium iaitu Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) dengan ringkas, yang mana pemegang ekuitinya ialah Petronas dan Khazanah Nasional Bhd. Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. akan bertanggungjawab memaju dan seterusnya membiayai sebahagian besar kos pembinaan melalui konsep penswastaaan. Syarikat-syarikat yang

berminat untuk turut serta dalam pembinaan yang terdapat di Putrajaya boleh turut sama melalui amalan biasa iaitu sistem tender yang akan dikeluarkan oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. ataupun melalui kerjasama dengan PHSB melaksanakan komponen-komponen yang boleh diswastakan. Bagi mententeramkan semangat Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa amalan untuk memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang besar dan kecil akan diteruskan seperti biasa.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Salam bin Awang membangkitkan soal kontraktor bumiputera berwibawa dan bukan berwibawa. Beliau berharap walaupun kerajaan mewujudkan kumpulan kontraktor bumiputera yang berwibawa tetapi kerajaan juga hendaklah memberi pembelaan sewajarnya kepada kontraktor bumiputera bukan berwibawa. Tender-tender hendaklah diberikan bukan sahaja kepada kontraktor bumiputera berwibawa tetapi juga kontraktor bumiputera bukan berwibawa supaya mereka juga sama-sama menikmati faedah daripada pembangunan negara.

Saya ingin menjelaskan bahawa dasar perolehan kerajaan atau procurement policy of the government, dengan izin, sememangnya memberi keutamaan kepada bumiputera dalam perolehan barang-barang, perkhidmatan dan kerja. Program pembangunan kontraktor berwibawa dilaksanakan dengan harapan ianya dapat melahirkan kontraktor binaan bumiputera yang berwibawa, berpotensi, berdaya saing dan berdaya tahan secara berterusan di samping mewujudkan kontraktor bumiputera yang pakar dan mahir dalam bidang kerja

yang sebelum ini kurang diterokai oleh bumiputera. Oleh itu, kontraktor bumiputera hendaklah berusaha dengan gigih bagi mencapai tahap wibawa dan dengan itu membuktikan kredibiliti dan profesionalisme penyertaan bumiputera dalam industri pembinaan.

Suka juga saya maklumkan di sini bahawa mengikut peruntukan dalam tahun 1994 dan 1995 yang mana jumlah kontrak-kontrak dikeluarkan ialah dalam lingkungan RM30 bilion, hanya 9.1% sahaja yang diperuntukkan kepada program kontraktor berwibawa. Maknanya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang. Bolehlah sambung pada 26hb. Disember nanti. Semoga suara serak itu menjadi serak-serak basah pada 26hb. nanti. Kita tidak lupa mengucapkan Merry Christmas kepada semua pihak yang akan merayakan Hari Krismas khususnya.

[Tepuk]

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang 26hb. Disember nanti.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.